

ADAKAH AKU MENGENALIMU

SYIAH?



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

Seksyen 5

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:

KANDUNGAN

PRAKATA	xi
MUKADIMAH	1
Soalan 1: Jelaskan definisi dan sejarah ringkas kemunculan fahaman Syiah.	2
Soalan 2: Bolehkah diterima iktikad kelompok Syiah yang <i>mu'tadil</i> (sederhana)?	3
Soalan 3: Siapakah Syiah?	4
Soalan 4: Apakah iktikad Syiah dalam Islam?	5
Soalan 5: Siapakah Abdullah Bin Saba' dan apakah hubungan beliau dengan Syiah?	6
Soalan 6: Jelaskan pembahagian aliran atau <i>firqah</i> Syiah.	8
Soalan 7: Apakah nama aliran Syiah yang menonjol serta didapati sangat aktif mengamalkan fahaman mereka?	9
Soalan 8: Siapakah Syiah Itsna Asyariah (Imam Dua Belas)?	13
Soalan 9: Siapakah Khomeini dan apakah kaitannya dengan Syiah Itsna Asyariah (Imam Dua Belas)?	15
Soalan 10: Apakah pegangan akidah Khomeini?	17

Soalan 11:	Adakah akidah Khomeini bertentangan dengan Islam sebenar yang dianuti oleh ASWJ?	18
Soalan 12:	Bagaimanakah lahirnya Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)?	20
Soalan 13:	Siapakah Ahli Sunnah?	22
Soalan 14:	Apakah pendapat Khomeini terhadap ASWJ?	22
Soalan 15:	Apakah amalan-amalan sesat dan bertentangan dengan ASWJ yang dibawa oleh Khomeini?	24
Soalan 16:	Apakah kenyataan Khomeini yang bertentangan dengan permasalahan fiqh yang dipegang oleh ASWJ?	25
Soalan 17:	Benarkah Syiah ialah pengikut <i>Ahlul Bait</i> Rasulullah SAW?	27
Soalan 18:	Mengapakah begitu penting untuk mengetahui iktikad <i>Ahl Al-Sunnah</i> terhadap <i>Ahlul Bait</i> ?	28
Soalan 19:	Apakah iktikad <i>Ahl Al-Sunnah</i> berkenaan keutamaan Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali?	29
Soalan 20:	Apakah Iktikad <i>Ahl Al-Sunnah</i> berkenaan para isteri Rasulullah SAW?	30
Soalan 21:	Apakah sikap <i>Ahl Al-Sunnah</i> terhadap orang yang menyelisihkan <i>Ahlul Bait</i> dan para Sahabat?	31
Soalan 22:	Apakah penghinaan yang dilakukan Syiah terhadap Khulafa' Ar-Rasyidin serta golongan Muhajirin dan Ansar?	31

Soalan 23:	Bagaimana pandangan Islam terhadap Khulafa' Ar-Rasyidin dan para Sahabat Rasulullah SAW?	34
Soalan 24:	Apakah pandangan Syiah terhadap <i>Ummahatul Mukminin</i> , isteri-isteri Rasulullah SAW?	37
Soalan 25:	Adakah begitu rendah dan hinanya martabat <i>Ummahatul Mukminin</i> , isteri-isteri Rasulullah SAW di dalam Islam, terutamanya Aisyah RA?	39
Soalan 26:	Adakah anak-anak perempuan Rasulullah SAW juga tidak terlepas daripada penghinaan puak Syiah?	42
Soalan 27:	Apakah jenis kesesatan yang dibawa oleh aliran Syiah dalam mengancam akidah umat Islam?	43
Soalan 28:	Apakah perkara atau jenis kesesatan Syiah berkaitan kewajipan taat kepada imam mereka?	45
Soalan 29:	Adakah jawatan kekhalifahan @ <i>imamah</i> khusus untuk 12 Imam sahaja?	50
Soalan 30:	Adakah golongan Syiah mengiktiraf Al-Qur'an yang ada pada tangan kaum Muslimin pada hari ini?	55
Soalan 31:	Adakah akidah yang dipegang oleh Syiah menyekutukan dan mensyirikkan Allah?	59
Soalan 32:	Apakah pegangan golongan Syiah dalam perkara yang melibatkan halal dan haram?	65

- Soalan 33:** Apakah dalil-dalil dan bukti yang menunjukkan bahawa Allah SWT sebagai Pencipta yang menjadikan langit dan bumi serta berkuasa atas segala sesuatu tanpa perlu bantuan? 67
- Soalan 34:** Adakah hanya sebilangan kecil daripada ulama Syiah yang menulis mengenai kononnya Al-Qur'an yang berada di tangan umat Islam hari ini telah diselewengkan? 69
- Soalan 35:** Adakah benar dakwaan ulama Syiah bahawa Al-Qur'an yang berada di tangan umat Islam telah diselewengkan? 70
- Soalan 36:** Adakah *taqiyah* merupakan salah satu pegangan dan keutamaan dalam ajaran Syiah? 73
- Soalan 37:** Apakah pegangan ajaran Syiah terhadap perkahwinan @ pernikahan mutaah yang sememangnya diharamkan dalam Islam? 76
- Soalan 38:** Bagaimanakah pandangan Khomeini berkaitan mutaah? 77
- Soalan 39** Apakah rukun mutaah dan hukumnya menurut ajaran Syiah? 79
- Soalan 40:** Bagaimanakah mahar mutaah mengikut ajaran Syiah? 80
- Soalan 41:** Adakah dalam nikah mutaah perlu kepada saksi? 80
- Soalan 42:** Bolehkah membina kubah di atas kubur menurut ajaran Syiah? 82

Soalan 43:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap Al-Qur'an?	84
Soalan 44:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap Al-Hadis?	85
Soalan 45:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap Sahabat Nabi SAW?	86
Soalan 46:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang tauhid?	87
Soalan 47:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang "Melihat Allah di akhirat kelak"?	89
Soalan 48:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang perkara-perkara ghaib?	90
Soalan 49:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap kerabat Rasulullah SAW?	91
Soalan 50:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang syariat dan hakikat?	91
Soalan 51:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang fiqh?	92
Soalan 52:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang kesetiaan (<i>al-wala'</i>)?	94
Soalan 53:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang <i>at-taqiyah</i> ?	95

Soalan 54:	Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang kepemimpinan dan ketua negara?	96
Soalan 55:	Adakah Syiah itu Islam?	98
Soalan 56:	Adakah pengikut Syiah di Malaysia mengamalkan ajaran mereka secara tersembunyi?	102
Soalan 57:	Adakah benar pengikut Syiah menjangkau ratusan ribu orang di Malaysia sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pihak?	103
Soalan 58:	Adakah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di seluruh Malaysia menggerakkan usaha-usaha membanteras kegiatan Syiah?	103
Soalan 59:	Apakah kesannya terhadap umat Islam di negara ini jika Syiah berkuasa di Malaysia?	106
Soalan 60:	Adakah mudah untuk mendakwa pengikut Syiah di mahkamah?	107
Soalan 61:	Apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memudahkan pendakwaan terhadap puak Syiah?	107
Soalan 62:	Mengapakah terdapat segelintir umat Islam yang boleh tertarik dengan aliran Syiah walaupun telah difatwakan sebagai ajaran yang terkeluar daripada pegangan ASWJ?	108

- Soalan 63:** Adakah pengikut Syiah di Malaysia telah menonjolkan diri mereka yang sebelum ini mengasingkan diri daripada masyarakat dengan mengamalkan ajaran mereka secara rahsia? 109
- Soalan 64:** Adakah wujud pengikut fahaman Syiah yang tidak menjalankan dakwah kepada umat Islam di Malaysia dan hanya berkembang dalam kalangan mereka sahaja? 111
- Soalan 65:** Bagaimanakah kebiasaannya cara penyebaran ajaran Syiah di Malaysia? 112
- Soalan 66:** Pernahkah diadakan dialog di antara pengikut Syiah dengan ASWJ di Malaysia? 114
- Soalan 67:** Apakah antara perancangan Syiah di Malaysia? 115
- Soalan 68:** Apakah tindakan Majlis Agama Islam di setiap negeri untuk membendung dan memberi kefahaman mengenai ajaran Syiah? 116
- Soalan 69:** Adakah pengamalan Mazhab Syiah aliran Zaidiyah dan Jafariah di Malaysia masih dibenarkan? 116
- Soalan 70:** Adakah mudah untuk mengenal pasti orang yang berfahaman Syiah? 117
- Soalan 71:** Adakah fatwa mengenai kesesatan fahaman Syiah? 118



PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Adakah Aku Mengenalimu Syiah?* ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Lembaga Zakat Selangor. Terbitan buku ini adalah bertujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan akidah yang sering diancam oleh pelbagai pihak.

Penerbitan buku ini amat bertepatan dengan situasi negara yang sedang menghadapi ancaman serius oleh elemen-elemen yang menggugat akidah umat Islam termasuklah kesesatan ajaran Syiah.

Buku ini menerangkan secara terperinci mengenai ajaran Syiah dan juga bentuk-bentuk penyelewengan yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Antara penyelewengan yang didedahkan adalah penyelewengan dari sudut akidah di mana golongan Syiah secara terang-terangan menyekutukan Allah SWT, menganggap imam mereka maktum dan lebih mulia daripada Nabi serta menuduh Al-Qur'an telah diubah suai oleh para Sahabat Nabi SAW.

Selain itu, turut dinyatakan secara jelas 15 ciri-ciri penganut ajaran Syiah yang secara jelas bertentangan dengan amalan dan pegangan ASWJ. Di Malaysia, ajaran Syiah kini mula menampakkan taringnya di mana pengikut ajaran ini mula

menonjolkan diri dan berjuang menuntut agar pegangan mereka diiktiraf atas nama hak asasi manusia.

Usaha-usaha bagi mengekang dan membanteras ajaran ini terus dilaksanakan sama ada pada peringkat negeri mahupun negara bagi mengelak ajaran ini daripada terus berkembang dan menggugat keharmonian serta perpaduan negara. Buku ini diharapkan dapat menjadi benteng kepada masyarakat Islam supaya tidak terpengaruh dengan dakyah ajaran Syiah dan sekaligus membantu umat Islam di negara ini dapat mengenal pasti ciri-ciri pengikut ajaran ini bagi menjaga dan menghalang diri serta keluarga daripada terjebak dengannya.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan “*Jazakumullahu Khairan Kathira*” kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan akidah umat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YAD Dato’ Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa
Pengerusi MAIS

MUKADIMAH

Pergolakan besar dunia Islam sejak dahulu lagi telah melibatkan pelbagai aliran dan fahaman yang menyebabkan umat Islam itu sendiri sentiasa diancam, sama ada dalam kalangan yang mengaku Islam atau sebaliknya. Ancaman terbesar selepas kewafatan Baginda Rasulullah SAW adalah ancaman puak Syiah yang telah merosak dan menghancurkan peradaban Islam sehingga berlakunya huru-hara di kebanyakan negara-negara Islam. Syiah antara punca utama yang menyebabkan ramai orang Islam terbunuh sejak dahulu lagi. Jika dilihat di negara-negara yang terdapatnya aliran dan fahaman Syiah, maka akan bergolaklah sesebuah negara tersebut atas ancaman dan kesesatan yang dibawa dengan menghuru-harakan masyarakat Islam di sana. Syiah membawa aliran yang jauh terpesong dari landasan Islam yang sebenar dan mengancam akidah umat Islam sesebuah negara. Hal ini terbukti apabila negara-negara yang telah dijajah dan diperintah oleh puak Syiah, dengan begitu rakus membunuh umat Islam daripada aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) kerana mereka menganggap bahawa akidah ASWJ telah tersesat dan hanya aliran Syiah sahaja yang diiktiraf. Begitu terpesongnya fahaman Syiah sehingga menghalalkan pembunuhan dengan sewenang-wenangnya sepertimana yang berlaku di Syria, Iraq, Pakistan dan negara-negara yang berfahaman Syiah.

Justeru, umat Islam di Malaysia sepatutnya merasa bimbang jika fahaman Syiah menular di negara kita. Sebelum terjadinya malapetaka besar di Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab

setiap umat Islam untuk bangkit membanteras aliran ini dari terus meresap ke pemikiran umat Islam, di samping mendalami ajaran Islam agar menjadi benteng terhadap ajaran sesat yang lain. Dengan terbitnya buku, *Adakah Aku Mengenalimu Syiah?, InsyaAllah* akan memberi pencerahan kepada umat Islam agar terhindar daripada fahaman sesat ini.

Soalan 1:

Jelaskan definisi dan sejarah ringkas kemunculan fahaman Syiah.

Jawapan:

Menurut etimologi (*lughah*) bahasa Arab, “Syiah” bermaksud, “Pengikut dan pembela seseorang”. Adapun mengikut terminologi (istilah) syariat Islam, “Golongan yang berpendapat bahawa Sayidina Ali Bin Abi Talib RA lebih berhak dan utama daripada Sahabat-Sahabat untuk memegang tampuk pemerintahan.

Pada mulanya, Syiah berpecah daripada Islam menjadi satu firqah. Ia berpunca daripada persoalan siasah (politik). Demikian juga dengan *firqah* Khawarij, namun ketika peristiwa kematian Sayidina Hussin Bin Ali di Karbala, pengaruh Syiah makin meluas lalu dikenali sebagai satu fahaman dan mazhab yang telah menyentuh persoalan akidah.

Oleh itu, pelbagai fahaman dan fatwa ganjil yang diperkenalkan oleh golongan Syiah sehingga membawa pada percanggahan dalam masalah akidah (pegangan) dan pelbagai masalah fiqh. Asalnya, mereka ingin mempertahankan *Ahlul Al-Bait* Rasulullah SAW, namun semangat kecintaan tersebut telah diselewengkan oleh beberapa ideologi sesat yang telah dibawa masuk melalui para munafik.

Sebahagian ulama berpendapat, pengasas utama Syiah adalah Abdullah Bin Saba' yang berpura-pura menganut Islam tetapi hakikatnya adalah "*duri dalam daging*" bagi umat Islam. Sejarah ini disokong oleh kebanyakan ulama ASWJ dan Syiah sendiri kerana antara puak-puak Syiah ada yang dinisbahkan kepada namanya iaitu puak As-Saba'iah.

Satu peristiwa terjadi ketika Abdullah Bin Saba' pernah berjumpa dengan Sayidina Ali Bin Abi Talib RA: "*Kamulah (Ali) kamulah (Tuhan).*" Beliau mengulanginya beberapa kali. Maka Sayidina Ali RA berkata: "*Celakalah kamu (dengan perkataanmu itu).*" Sayidina Ali RA bertanya: "*Siapakah aku yang sebenarnya?*" Lalu Abdullah Bin Saba' berkata lagi: "*Kamulah Allah!*"

Lantaran kata-kata Abdullah Bin Saba' tersebut, maka Sayidina Ali RA telah memerintahkan menterinya untuk membakar golongan Syiah Saba'iah tersebut yang tidak mahu bertaubat daripada pegangan sesat mereka itu.

Soalan 2:

Bolehkah diterima iktikad kelompok Syiah yang *mu'tadil* (sederhana)?

Jawapan:

Kelompok Syiah pada zaman dahulu yang dianggap benar-benar *mu'tadil* (pertengahan) adalah Zaidiyah. Adapun Syiah Imamiah Itsna 'Asyar, yang dianuti oleh Khomeini dan golongan Syiah masa kini serta dengan perkembangan terbaharu pergolakan di Syria dan Mesir, tidak menggambarkan Syiah sekarang boleh diajak berbincang dengan lidah, sebaliknya mereka menunjukkan penentangan terbuka termasuk menggunakan senjata terhadap ASWJ.

Ulama-ulama ASWJ telah mengisytiharkan aliran Imamah Itsna 'Asyar ini telah keluar daripada Islam kerana sikap melampau mereka menuduh Sahabat-Sahabat Nabi SAW sebagai murtad dan menyeleweng, mendakwa Al-Qur'an telah ditokok tambah, merendahkan martabat Rasul, menolak dan tidak berhujah dengan sebahagian besar hadis-hadis sahih melainkan yang selari dengan akidah Syiah dan riwayat oleh para Sahabat yang dianggap pro Syiah, mempercayai imam mereka maksum sebagaimana Rasulullah SAW, meyakini bahawa imam mereka belum wafat lalu diangkat oleh Tuhan dan akan diturunkan sebagai Imam Mahdi kelak, imam mereka mengetahui perkara-perkara ghaib dan lain-lain.

Namun, apa yang berlaku sekarang ini, mereka menonjolkan sifat kebencian yang keterlaluan terhadap ASWJ sehingga sanggup berkomplot bersama kaum *kuffar* semata-mata untuk menghancurkan golongan ASWJ.

Soalan 3:

Siapakah Syiah?

Jawapan:

Syeikh Al-Mufid berkata; *"Syiah ialah orang yang mengikuti Ali dan mengutamakan ke atas para Sahabat Rasulullah SAW dan beriktikad bahawa dialah (Ali) imam secara wasiat daripada Rasulullah SAW atau dengan kehendak Allah secara nas menurut Mazhab Jarudiyah."*

Tersebut di dalam Lam'ah Dimasyqiah; *"Syiah ialah orang yang mengiringi Ali iaitu mengikut dan mendahulukannya ke atas selainnya dalam perkara 'imamah' sekalipun ia tidak menyetujui pimpinan imam-imam yang lain."*

As-Syahrastani berkata; *"Syiah ialah mereka yang mengikuti*

Ali AS secara khusus serta mengatakan pimpinan ('imamat') dan kekhalfahannya secara nas dan wasiat, sama ada secara jelas atau tersirat. Mereka beriktikad bahawa 'imamat' itu tidak terkeluar daripada anak-anaknya. Sekiranya ia terkeluar secara zalim dari selain anak-anaknya atau dengan 'taqiyah' daripadanya, mereka mengatakan pimpinan itu bukan persoalan maslahat yang bergantung pada pilihan umum. Atau terlantiknya imam itu dengan lantikan mereka, bahkan ia adalah persoalan usul, iaitu rukun agama tidak boleh bagi Rasulullah SAW mengabai, mengalpakkan dan menyerahkannya kepada ummah serta membiarkannya. Mereka (Syiah) bersepakat mengatakan bahawa wajib penentuan, nas serta sabit kemaksuman imam-imam yang wajib daripada dosa-dosa besar dan kecil, menyatakan 'wala`' dan 'bara`' secara ucapan dan perbuatan."

An-Nobakhti berkata; "Puak Syiah yang pertama ialah puak Ali Bin Abi Thalib AS yang dikenali dengan Syiah Ali pada zaman Rasulullah SAW selepas kewafatannya. Mereka terkenal dengan hubungan mereka secara khusus kepada Ali dan menyatakan kepimpinannya."

Menurut pandangan ulama Syiah, Mohamed Hussien Al-Hasaniy; "Syiah ialah beriktikad dengan idea-idea dan pendapat-pendapat tertentu yang diambil daripada Nabi SAW yang sampai kepada kita melalui Ali dan anak-anaknya iaitu imam-imam sebelas yang maksum dan suci sesuci-sucinya."

Soalan 4:

Apakah iktikad Syiah dalam Islam?

Jawapan:

Syiah beriktikad bahawa Islam berdasarkan pada tiga usul:

1. Tauhid.

2. *Nubuwwah.*
3. *Ma'ad.*

Dan mereka menambahkan dua usul lain iaitu:

4. Keadilan Allah.
5. Imam-imam 12.

Lima usul tersebut dirujuk sebagai makna Islam secara khusus dan tiga usul sahaja yang disebut sebagai makna Islam secara umum.

Soalan 5:

Siapakah Abdullah Bin Saba' dan apakah hubungan beliau dengan Syiah?

Jawapan:

Abdullah Bin Saba' atau dikenali juga sebagai Ibn Sauda' (budak hitam) adalah seorang Yahudi dari Sana di Yaman yang telah menzahirkan keIslamannya pada zaman Sayidina Uthman Bin Affan RA. Beliau adalah watak paling utama yang memainkan peranan menimbulkan huru-hara di Madinah, Iraq, Syam dan Mesir secara khusus. Dakyah yang berlaku adalah dalam bentuk penyebaran pendapat siasah, bahkan termasuk akidah yang menyimpang. Ia telah mencetuskan fitnah yang membawa pada pembunuhan Sayidina Uthman RA pada 18 Zulhijah 35 H.

Ibn Sauda' telah menyebarkan pelbagai idea yang kontroversi dalam kalangan umat Islam khususnya yang berkaitan dengan penyelewengan-penyelewengan yang dinisbahkan kepada Sayidina Uthman Bin Affan RA. Gerakannya telah mencetuskan pemberontakan di empat penjuru tanah air umat Islam.

Beliau juga telah mempopularkan idea kelayakan Sayidina Ali RA sebagai pengisi jawatan khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW dengan apa yang diistilahkan sebagai wasiat Rasulullah SAW.

Abdullah Bin Saba' juga menjadi individu pertama yang secara terang-terangan mencela Sayidina Abu Bakar RA, Sayidina Umar RA, Sayidina Uthman RA dan beberapa orang Sahabat Rasulullah SAW yang disenaraikan khas oleh Syiah. Hal ini diakui sendiri oleh ilmuwan Syiah seperti Saad Bin Abdullah Al-Qummi dalam *Al-Maqalat Wa Al-Firaq*.

Tidak terhenti setakat itu, kepercayaan karut tentang kebangkitan semula imam Syiah, iaitu Hassan Al-Askari dan pelbagai fahaman lain yang kemudiannya menjadi teras pada akidah golongan Syiah, telah dipelopori oleh Abdullah Bin Saba'. Inilah puncanya mengapa ramai pihak yang sudah tidak mampu lagi untuk menyembunyikan kecelaan sejarah Abdullah Bin Saba', cuba untuk menanamkan prasangka bahawa dia tidak wujud secara pasti dalam sejarah. Idea yang tidak berasas ini disokong oleh segolongan orientalis dan pengkaji Arab serta ramai dalam kalangan Syiah kontemporari, semata-mata "taqiyah" bagi mengelak mereka dikecam oleh dunia Islam (Dr. Muhammad Amahzun, *Tahaqiq Mawaqif As-Sahabah Fi Al-Fitnah Min Riwayaat Al-Imam At-Thabari Wa Al-Muhadditheen*, Maktabah Al-Kauthar, Riyadh, 1994).

Hal ini mustahil dapat diterima akal kerana kisah Abdullah Bin Saba' bukan hanya terdapat di dalam satu atau dua karangan ilmuwan ASWJ seperti *Tarikh Al-Imam Al-Thabari* malah ia turut disebut secara meluas di dalam sejumlah besar tulisan ulama pelbagai zaman, sama ada oleh ASWJ mahupun Syiah sendiri. Tegasnya, Abdullah Bin Saba' merupakan pelopor dan pengasas pada wujudnya krisis di antara umat Islam umumnya dengan kumpulan Syiah yang berlarutan hingga ke hari ini.

Kerugian yang menimpa umat Islam di dalam Perang Jamal dan Perang Siffin, pembunuhan Ali RA, anakandanya Sayidina Husain RA dan pelbagai lagi siri peperangan dalaman yang tercetus semenjak kematian Sayidina Uthman Bin Affan RA, adalah hasil suntikan fitnah yang dimulakan oleh seorang munafik dan penjenayah bernama Abdullah Bin Saba'.


Soalan 6:

Jelaskan pembahagian aliran atau *firqah* Syiah.

Jawapan:

Pembahagian aliran Syiah di bawah ini adalah mengikut penentuan imam-imam yang memimpin mereka. Setiap puak-puak besar ini mempunyai beberapa pecahan aliran yang kecil di bawahnya:

1. Al-Kisani: pengikut-pengikut Muhammad Ibnu Al-Hanafiah, anak Sayidina Ali Bin Abu Thalib RA dan bukannya dari Fatimah Az-Zahra'.
2. Al-Husaini: pengikut-pengikut Abu Abdullah Al-Husain Bin Ali Bin Abi Thalib, saudara kepada Al-Hasan.
3. Al-Hassani: pengikut-pengikut Al-Hasan Bin Ali Bin Abi Thalib, saudara kepada Al-Husain.
4. Az-Zaidiyah: pengikut-pengikut Zaid Bin Ali Zainal Abidin Bin Al-Husain Bin Ali Bin Abi Thalib.
5. Itsna Asyariah atau Al-Imamiah: pengikut-pengikut Abu Jafar Mohamed Al-Baqir Bin Ali Zainal Abidin Bin Al-Husain Bin Ali Bin Abi Thalib.
6. Al-Ismailiyah: pengikut-pengikut Ismail Bin Jafar As-Sadiq



Bin Mohamed Al-Baqir Bin Ali Zainal Abidin Bin Al-Husain Bin Ali Bin Abi Thalib.

Imam As-Syahrastani membahagikan kaum Syiah kepada lima golongan iaitu; (i) Kisaniyah, (ii) Zaidiyah, (iii) Ghulaat, (iv) Imamiah dan, (v) Ismailiyah. Kesemua golongan ini adalah sama atau lebih menyeleweng kefahamannya daripada Syiah Imamiah melainkan Syiah Zaidiyah. Bahkan ada antara golongan Ghulaat, Kisaniyah dan Ismailiyah yang mengikuti ketuhanan atau mempunyai sifat ketuhanan ke atas Ali dan imam-imam selepasnya. Oleh itu, segala fahaman Syiah yang dibincangkan di sini adalah tertumpu pada Syiah Imamiah atau Itsna 'Asyariah serta ketiga-tiga golongan yang lebih melampau daripadanya. Tambahan pula kebanyakan penyokong revolusi Iran kontemporari adalah daripada golongan ini.

Soalan 7:

Apakah nama aliran Syiah yang menonjol serta didapati sangat aktif mengamalkan fahaman mereka?

Jawapan:

Terdapat banyak aliran dalam Syiah, namun yang terkenal dan menonjol serta didapati aktif mengamalkan fahaman mereka adalah:

1. Aliran Imamiah

Dikenali sebagai Imamiah kerana menjadikan persoalan Imamiah (melantik dan beriman kepada mereka) sebagai perkara usul dalam agama yang wajib dipercayai. Ia merupakan puak yang paling utama dalam Syiah.

Puak ini juga dikenali sebagai Al-Rafidah kerana ingkar

dan menolak kelayakan Sayidina Abu Bakar RA, Sayidina Umar RA dan Sayidina Uthman RA sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW.

Selain itu, puak ini juga dipanggil dengan nama Itsna 'Asyariah kerana berpendapat bahawa 12 orang daripada imam-imam mereka dianggap maksum sebagaimana kemaksuman Nabi Muhammad SAW, yakni terpelihara daripada melakukan dosa, lalai, lupa dan tersalah dengan sengaja ataupun tidak sengaja. Secara tidak langsung mereka menyamakan para imam mereka dengan para nabi.

Syiah Imamah ini pula terbahagi pada 15 kelompok. Antaranya; Muhammadiyah, Baqiriah, Nawuusiah, Syumaitiah, 'Ammariah, Ismailiah, Mubarakiah, Musawiah, Qat'iah, Itsna 'Asyariah, Hasyimiah, Zurariah, Yunusriah, Syaithaniah dan Kamiliah. Fahaman dan akidah mereka ini dipegang oleh Khomeini dan para pemimpin Syiah selepasnya di Iran sehingga kini.

2. Aliran Zaidiyah

Mereka ialah pengikut kepada Zaid Bin Ali Zainal Abidin Bin Husain Bin Ali Bin Abi Thalib. Beliau terkesan dengan pemikiran Wasil Bin Ata' (pengasas fahaman Muktazilah). Para ulama mengklasifikasikan pengikut Zaidiyah dalam golongan yang *mu'tadil* kerana yang paling hampir kepada ASWJ, lebih-lebih lagi dalam persoalan ibadat.

Pendapat-pendapat aliran ini tidaklah sampai mendewadewakan Sayidina Ali RA dan tidak mencerca Sahabat-sahabat Nabi SAW yang lain melainkan hanya mengatakan bahawa Sayidina Ali RA lebih layak memegang tampuk khalifah selepas kewafatan Baginda Rasulullah SAW daripada Sayidina Abu Bakar RA dan Sayidina Umar RA.

Kebanyakan puak ini berada di Yemen. Syiah Zaidiyah terbahagi pada tiga kelompok iaitu; Jarudin, Jarirah dan Solihiah.

3. Aliran Kaisaniah

Pengasasnya adalah Mukhtar Bin Ubai Al-Thaqafi yang merupakan khadam kepada Muhammad Bin Ali Bin Abi Thalib (anak Sayidina Ali dengan isterinya Haulah dari Bani Hanifah, lalu dikenali sebagai Muhammad Al-Hanafiah sempena nama kabilahnya).

Adapun Kaisan merupakan khadam kepada Sayidina Ali Bin Abi Thalib. Setelah kewafatan Sayidina Ali, dia lalu menjadi khadam kepada Muhammad Al-Hanafiah. Dia bersungguh-sungguh mempertahankan Hasan dan Husain dalam mendapatkan hak kekhalfahan.

Selepas kematian kedua-duanya, mereka mempertahankan pula hak terhadap Muhammad Bin Al-Hanafiah. Lalu, ada antara mereka yang *ghuluw* (melampau) dalam melakukan hasutan sehingga menyebabkan mereka menjadi buruan pemerintah ketika itu.

Kaisaniah terdiri daripada dua kelompok:

- i. Kelompok yang mendakwa bahawa Muhammad Al-Hanafiah masih belum mati, kerana beliau menyelamatkan diri ke sebuah daerah Radhwa (sebuah kawasan pergunungan) ketika diburu pemerintah disebabkan sikap pengikut-pengikutnya yang melampau. Mereka mempercayai bahawa beliau masih lagi hidup dan bersembunyi di Radhwa. Beliau akan keluar menjelang hari kiamat sebagai Imam Mahdi.
- ii. Kelompok yang memperjuangkan hak kekhalfahan Muhammad Al-Hanafiah semasa beliau masih lagi hidup. Hak tersebut berpindah-pindah kepada orang lain selepas kematiannya.

4. Aliran Ghulah

Golongan yang melampaui had dalam persoalan akidah. Mereka bukan sahaja berpandangan bahawa Sayidina Ali RA lebih mulia dan layak daripada Sahabat-sahabat lain dalam persoalan khalifah, bahkan dianggap lebih agung daripada Rasulullah SAW sendiri.


Golongan ini juga berpendapat Rasulullah SAW hampir sama wajahnya dengan Sayidina Ali, oleh sebab itu Malaikat Jibrail AS tersalah menyampaikan wahyu kepada Rasulullah SAW, sedangkan asalnya wahyu patut disampaikan kepada Sayidina Ali. Ada juga yang mengatakan Jibrail sengaja melakukan sedemikian lalu mereka mengkafirkan Jibrail AS.

Mereka mempercayai konsep perpindahan roh (*tanasukh al-arwah*) dari jasad ke jasad yang lain. Apabila seseorang melakukan kejahatan, maka pada hari kebangkitan lain roh mereka akan menjelma dalam keadaan yang menghinakan. Jika mereka melakukan kebaikan, maka roh tersebut akan menjelma dalam keadaan yang mulia dan dihormati.

Oleh sebab itulah golongan ini mendakwa bahawa Sayidina Abu Bakar RA dan Sayidina Umar RA akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam rupa keldai dan baghal dan imam-imam mereka akan menjadi penggembala serta memukul dan menghina Sayidina Abu Bakar RA dan Sayidina Umar RA ketika itu dalam keadaan (kedua-duanya) berupa keldai dan baghal.

Keyakinan mereka mencapai taksub dan melampau sehingga mengatakan Sayidina Ali Bin Abi Thalib RA dan imam-imam mereka sebagai Tuhan. Sama ada Tuhan *hulul* (menjelma masuk) dalam badan mereka atau mereka bersifat dengan sifat-sifat ketuhanan.

Walaupun mereka mendakwa pegangan mereka adalah agama Islam, namun jumbuh ulama berpendapat mereka telah



terkeluar daripada acuan Islam atau boleh ditakrifkan sebagai telah murtad.

Syiah Ghulah terbahagi pada beberapa golongan iaitu; Saba'iah, Bayaniah, Mughiriah, Mansuriah, Ghurabiah, Khattabiah, Janahiah, Hululiah, Syari'iah dan Numairiah.

Meskipun Syiah terbahagi pada beberapa puak namun mereka kini bernaung di bawah payung yang sama dengan Kerajaan Revolusi Iran. Ini membolehkan mereka mengumpul kekuatan serta mendapat sokongan moral dan material bagi menghadapi golongan ASWJ dan golongan yang menentang fahaman Syiah.

Soalan 8:

Siapakah Syiah Itsna Asyariah (Imam Dua Belas)?

Jawapan:

Golongan ini adalah kelompok yang mempercayai bahawa terdapat 12 orang imam sahaja yang berhak untuk *imamat* (pemimpin). Imam-imam itu adalah:

1. Ali Bin Abi Thalib (Abu Hasan Al-Murthada) - Wafat 40 H.
2. Al-Hasan Bin Ali (Abu Mohamed Zaki) - Wafat 49 H.
3. Al-Husain Bin Ali (Abu Abdullah As-Syahid) - Wafat 61 H.
4. Ali Bin Husain (Ali Zainal Abidin) - Wafat 94 H.
5. Mohamed Bin Ali (Abu Jaafar Al-Baqir) - Wafat 117 H.
6. Jaafar Bin Mohamed (Abu Abdullah As-Sadiq) - Wafat 148 H.

7. Musa Bin Jaafar (Musa As-Sadiq) – Wafat 183 H.
8. Ali Bin Musa (Ali Ar-Redha Abul Hasan) – Wafat 203 H.
9. Mohamed Al-Jawwad At-Taqi Bin Ali (Abu Jaafar) - Wafat 220 H.
10. Ali Bin Mohamed (Al-Hadi Al-Taqi) – Wafat 254 H.
11. Al-Hasan Bin Ali (Al-Hasan Al-Askari) – Wafat 260 H.
12. Mohamed Al-Mahdi (Sahibul Zaman-Imam Muntazar) - Lahir 256 H.

Setiap daripada imam-imam tersebut mempunyai *masyhad* (makam) yang sering dikunjungi dan dilawati di Iraq dan Iran.



12 Imam Mengikut Fahaman Syiah

Terdapat kisah tentang kehilangan imam terakhir iaitu Mohamed Al-Mahdi di Sirdab, Sir Man Ra'a (Samra) di Iraq. Kelompok Itsna Asyariah menanti kedatangan semula Al-Mahdi. Meskipun Ibnu Taimiyyah, Ibnu Hazm dan beberapa tokoh lain

telah mensabitkan bahawa Khalifah Abbasiyyah telah menahan salah seorang jariahnya yang mendakwa hamil darinya empat tahun tanpa lahir tanda-tanda kehamilan.

Soalan 9:

Siapakah Khomeini dan apakah kaitannya dengan Syiah Itsna Asyariah (Imam Dua Belas)?

Jawapan:

Khomeini atau disebut oleh pengikutnya sebagai Ayatullah Ruhullah Khomeini yang membawa maksud Khomeini Ayat dan Ruh Allah. Khomeini merupakan tokoh sejarah dunia yang agung dan terkenal kerana beliau adalah pengasas Republik Islam Iran dan berjaya menggulingkan Shah Muhammad Reza Pahlavi pada tahun 1979 melalui Revolusi Islam Iran.



Khomeini

Khomeini dilahirkan di bandar Khomein yang terletak di barat daya Tehran, ibu negara Republik Iran pada tahun 1902 M/1320 H. Nama sebenarnya Mustafa Ahmad Al-Musawi Al-Khomeini. Datuknya, Ahmad berasal dari India kemudian berhijrah ke Iran pada tahun 1885. Bapanya mati dibunuh setahun setelah kelahirannya dan ketika dia hampir baligh, ibunya

meninggal dunia. Dia dibesarkan oleh abangnya dan mendalami ajaran Syiah sehingga menjadi seorang ulama Syiah.

Pada tahun 1965, Shah Muhammad Reza Pahlavi telah membuang Khomeini ke Turki. Khomeini kemudiannya meminta izin supaya dibuang ke Iraq lalu mendapat kebenaran Shah dan pemerintah Iraq. Beliau tinggal di Iraq selama 15 tahun dan menjadikan Najaf sebagai tempat tinggalnya. Dia tidak melancarkan apa-apa serangan terhadap Shah Iran sehinggalah tahun 1968 apabila Parti Baath memerintah Iraq. Parti Baath mengalu-alukan para penentang Shah Iran dan Khomeini diberi kedudukan istimewa sehingga beliau diberi slot radio tersendiri untuk mengembangkan idea revolusinya.

Kerajaan Iraq memberi kebebasan dan keistimewaan kepada Khomeini sehingga permohonannya supaya hukuman mati terhadap Syed Hasan Syirazi ditarik balik turut dipersetujui oleh kerajaan Revolusi Iraq. Bahkan Saddam Hussein selaku Timbalan Ketua Majlis Revousi Iraq menerima permohonan tersebut. Beliau kemudiannya cuba untuk berpindah ke Kuwait setelah kerajaan mengenakan sedikit sekatan ke atasnya tetapi Kerajaan Kuwait enggan membenarkannya menyebabkan Kerajaan Iraq bersetuju untuk menerimanya kembali.


Pada tahun 1978, Khomeini meninggalkan Iraq lalu pergi ke Paris dan menetap di sana sehinggalah kejatuhan Shah Iran pada tahun 1979. Apabila jatuhnya Shah Iran (Muhammad Reza Pahlavi), Khomeini diangkat sebagai pemimpin agung Iran dikenali sebagai Ruhbar pada tahun 1989 ketika berumur 89 tahun.

Soalan 10:

Apakah pegangan akidah Khomeini?

Jawapan:

Khomeini ialah pengikut setia ajaran Syiah Imam Dua Belas atau dikenali juga sebagai Syiah Imamiah, Syiah Jaafariah dan Syiah Al-Rafidah.



**SIKAP IMAM ASY-SYAFI'E
TERHADAP SYI'AH**

Dari Yunus bin Abdila'la, beliau berkata: Saya telah mendengar asy-Syafi'i, apabila disebut nama Syi'ah Rafidhah, maka ia mencelanya dengan sangat keras, dan berkata: "Kelompok terjelek! (terhodoh)". (al-Manaqib, karya al-Baihaqi, 1/468. Manhaj Imam asy-Syafi'i fi Itsbat al-Aqidah, 2/486)

"Saya belum melihat seorang pun yang paling banyak bersaksi/bersumpah palsu (berdusta) dari Syi'ah Rafidhah." (Adabus Syafi'i, m/s. 187, al-Manaqib karya al-Baihaqi, 1/468 dan Sunan al-Kubra, 10/208. Manhaj Imam asy-Syafi'i fi Itsbat al-Aqidah, 2/486)

JOM PERANGI **SYIAH!!!**

Peringatan Tentang Bahaya Fahaman Syiah

Khomeini menjalankan pemerintahan berteraskan bahawa beliau adalah wakil kepada Imam Al-Hujjah Al-Qaim Al-Mahdi Al-Muntazar, Muhammad Bin Hasan Al-Askari iaitu imam Syiah ke-12 yang kononnya ghaib dan akan datang semula pada akhir zaman.

Soalan 11:

Adakah akidah Khomeini bertentangan dengan Islam sebenar yang dianuti oleh ASWJ?

Jawapan:

Khomeini dalam kitab berkaitan dengan kedudukan imam Syiah, menyebut bahawa kedudukan mereka (para imam Syiah) begitu tinggi sehingga melebihi kedudukan para rasul dan malaikat. Mereka juga dianggap tidak melakukan dosa (maksud), kata-kata imam dan pendapatnya dianggap betul dan benar belaka dan tidak pernah salah serta mereka tidak pernah lupa dan lalai. Makhhluk seluruhnya tunduk dan patuh kepada mereka. Mereka adalah cahaya (nur) yang duduk mengelilingi 'Arasy Allah' sebelum alam ini dicipta.

Berkaitan hal ini Khomeini berkata: *"Maka sesungguhnya bagi imam-imam (Ketua Negara Syiah) itu mempunyai makam dan kedudukan yang terpuji, darjah yang tinggi dan mempunyai kuasa 'Khalifah Takwiniyyah' (kuasa yang dilantik oleh Allah), atom-atom di dunia tunduk dan patuh kepada kekuasaanNya."* (Lihat: *Al-Hukumah Al-Islamiyyah*, hal: 52).

Beliau menyebut lagi: *"Dan antara perkara penting dalam mazhab kita (Mazhab Syiah), kita (beriktikad) bahawa imam-imam kita mempunyai maqam atau kedudukan yang tinggi yang tidak sampai ke maqam tersebut oleh para malaikat yang hampir (dekat dengan Allah) dan tidak juga oleh para nabi dan rasul Allah."*

"Mengikut riwayat-riwayat dan hadis-hadis Rasulullah SAW yang ada pada kita (orang Syiah), bahawa Rasulullah SAW dan imam-imam AS, adalah nur sebelum alam ini dijadikan. Allah menjadikan mereka mengelilingi ArasyNya dan Allah memberikan kepada mereka kedudukan yang paling tinggi itu melainkan Allah SWT jua) dan Malaikat Jibrail berkata sebagaimana yang diriwayatkan oleh Hadis Mikraj, 'jika aku hampiri sekadar satu jari lagi nescaya aku akan terbakar'."

Dan katanya lagi: "Sesungguhnya ajaran para imam sama seperti ajaran-ajaran Al-Qur'an yang bukan untuk sesuatu generasi tertentu sahaja, bahkan ajaran itu untuk semua manusia di setiap tempat dan masa hingga ke hari kiamat. Ia wajib dilaksanakan dan wajib diikuti." (Al-Hukumah Al-Islamiah, hal: 51, 52 dan 113).

Berdasarkan petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa Khomeini menyanjung tinggi para imam (Ayatullah atau Mullah) dan meletakkan mereka ke taraf yang paling tinggi mengatasi taraf para Nabi dan Malaikat. Alam seluruhnya tunduk kepada mereka, ajaran-ajaran dan buah fikiran mereka disamakan dengan ajaran Al-Qur'an. Setiap pendapat dan kata-kata mereka mesti diikuti dan dilaksanakan dalam kehidupan. Ia berlawanan sekali dengan pandangan Al-Qur'an dan sunnah Nabi SAW serta pegangan ASWJ.

ASWJ berpegang (iktikad) bahawa tidak ada manusia yang lebih tinggi pangkat dan tarafnya mengatasi taraf para Nabi dan Rasul. Selepas Rasulullah SAW, maka Khulafa Al-Rasyidin adalah orang yang paling mulia dan tinggi darjatnya dalam kalangan mereka iaitu Sayidina Abu Bakar RA, kemudian diikuti oleh Sayidina Umar ibn Al-Khattab RA, Sayidina Uthman Ibn Affan RA dan Sayidina Ali Ibn Abu Thalib RA.

Tidak ada ajaran yang lebih tinggi daripada ajaran Al-Qur'an dan Al-Hadis Rasulullah SAW. Kedua-dua ajaran tersebut merupakan sumber utama hukum syarak, manakala sumber-sumber lain pula seperti qias dan sebagainya diambil daripada Al-Qur'an dan Al-Hadis yang kemudiannya dijadikan sumber ketiga, keempat dan seterusnya.

Tanggapan yang mengatakan bahawa kata-kata imam sama dengan Al-Qur'an dan lebih tinggi daripada Al-Hadis merupakan pendapat yang melampau dan tidak boleh diterima. Secara jelasnya, ia dianggap sebagai iktikad yang sesat dan menyeleweng daripada asas ajaran Islam.

Soalan 12:**Bagaimanakah lahirnya Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)?****Jawapan:**


Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) ialah kumpulan umat Islam yang telah wujud sejak zaman wahyu masih diturunkan. Merekalah umat Rasulullah SAW. Kumpulan umat Islam ini mula dikenali dengan nama ASWJ setelah timbulnya beberapa aliran baharu (bidaah) beberapa dekad selepas kewafatan Rasulullah SAW seperti aliran Khawarij, Syi'ah Al-Rafidah, Murji'ah dan sebagainya.

Aliran-aliran yang baharu ini memiliki hujah daripada nas Al-Qur'an dan As-Sunnah untuk membenarkan iktikad mereka tetapi perkara-perkara asas berikut membezakan goongan ini dengan ASWH:

1. Mereka berhujah hanya berdasarkan sebahagian nas dan tidak keseluruhannya.
2. Mereka mendahulukan akal di atas wahyu sehingga mengalih (*takwil*) maksud sebahagian nas kepada maksud yang selari dengan teori mereka.
3. Mereka mencampuradukkan dua ciri di atas dengan fahaman lain seperti Yunani, Parsi dan sebagainya yang berasal dari luar Islam.

ASWJ pula memiliki iktikad:

1. Berhujah dengan seluruh nas Al-Qur'an dan As-Sunnah dan bukannya sebahagian-sebahagian.
2. Bersikap mendahulukan wahyu atas akal dan menjadikan akal sentiasa selari dengan tuntutan wahyu.



3. Berpegang teguh pada sunnah Rasulullah SAW dalam semua urusan agama sama ada yang ghaib atau nyata, teori atau praktikal, iktikad atau amalan, tafsiran atau penerapan dan lain-lain lagi.

Pegangan yang teguh ini menyebabkan mereka menamakan diri mereka sebagai ASWJ. Penamaan ini juga bertujuan membezakan diri mereka daripada aliran-aliran baharu yang menyelisihkan tiga ciri tersebut. Bagaimanapun, dalam beberapa aspek wujud perbezaan pendapat dalam kalangan ASWJ. Namun, perbezaan ini tidak melibatkan perkara-perkara iktikad yang membentuk asas agama tetapi hanya melibatkan perkara-perkara lain yang dibolehkan berijtihad mengenainya.

ASWJ tidak diasaskan oleh para imam yang empat seperti Abu Hanifah Rahimahullah (150H), Malik Bin Anas Rahimahullah (179H), Al-Syafie Rahimahullah (204H) dan Ahmad Bin Hanbal Rahimahullah (241H). Mereka berada di dalam Mazhab ASWJ dan bukan pengasasnya. Perbezaan di antara mereka hanyalah berkaitan dengan persoalan hukum fiqh dan bukannya iktikad.

Oleh itu sekali lagi ditegaskan, ASWJ adalah kumpulan umat Islam yang wujud sejak zaman wahyu masih diturunkan. Ia hanya mula dikenali dengan nama ASWJ setelah timbulnya pelbagai aliran baharu (bidaah) beberapa dekad selepas kewafatan Rasulullah SAW bertujuan membezakan golongan yang berada atas keaslian agama Allah dan RasulNya dengan aliran-aliran lain yang wujud terkemudian yang bercampur aduk dengan teori akal dan fahaman lain.

Soalan 13:**Siapakah Ahli Sunnah?****Jawapan:**

Istilah Ahli Sunnah ialah sesuatu yang sudah dikenali ramai sehingga tidak perlu diperincikan lagi. Ia adalah singkatan daripada istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ), iaitu kumpulan umat Islam yang secara berjemaah mengikuti Al-Qur'an dan As-Sunnah secara keseluruhannya dan mendahulukan kedua-dua sumber tersebut daripada akal mereka. Mereka bukanlah *Ahlul Bid'ah*, iaitu kumpulan orang yang mendahulukan akal atas nas Al-Qur'an dan As-Sunnah sehingga menciptakan pelbagai bidaah sama ada yang berbentuk iktikad mahupun amalan yang bertentangan dengan petunjuk Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Soalan 14:**Apakah pendapat Khomeini terhadap ASWJ?****Jawapan:**

Syiah berpandangan bahawa ASWJ tidak ada tempat dalam Islam, murtad dan merupakan puak perampas. Golongan Syiah menghalalkan diri mereka mengecam ASWJ. Menurut golongan Syiah, cacian dan makian terhadap Sunni (ASWJ) menjadi suatu amalan terpuji malah dianggap sebagai amalan taqarrub. Ia seperti yang dikatakan oleh Al-Kasyi yang dinukilkan daripada Abu Jaafar mengenai hal Sahabat-sahabat Nabi SAW, "*Bahawa mereka telah murtad daripada Islam (na'uzubillah) kecuali tiga orang iaitu Miqdad Bin Aswad, Abu Zar Ghifari dan Salman Al-Farisi.*"

Tersebut dalam buku yang sama nukilan daripada Abu Jaafar, katanya: "*Kaum Muhajirin dan Ansar telah keluar (dari Islam)*"

(sambil mengisyaratkan tangannya) kecuali tiga". Tersebut dalam satu riwayat lain daripada Musa Bin Jaafar iaitu imam maksum ke-7 di sisi Syiah, katanya, "Apabila berlaku kiamat, seorang penyeru memanggil: 'Di manakah Hawari (penolong) Muhammad Bin Abdullah Rasulullah yang tidak mencabuli janjinya?'" Lalu bangkitlah Salman, Miqdad dan Abu Zar' Khomeini memberi hujah mereka yang ternyata tidak jauh berbeza berhubung akidah ini tentang imam-imam dan ulama-ulama mereka di mana beliau telah mencaci para Sahabat Nabi SAW dan golongan Sunni (ASWJ).

Sebelum kita menyebutkan pandangan Khomeini terhadap ASWJ melalui buku-bukunya, seharusnya kita melihat kepada istilah *nawasib* yang direka oleh ulama-ulama Syiah terhadap ASWJ, digelarkan kepada setiap individu yang merestui pendahuluan Syeikh Ein (Sayidina Abu Bakar dan Sayidina Umar) dalam wilayah ke atas Sayidina Ali Bin Abu Thalib RA seperti yang tersebut dalam *Al-Wasail* pada takrif *nasibi*. Hasyim Husaini Al-Bahrani yang dianggap antara ulama dan ahli hadis Syiah besar berpendapat memadai membenci Ali dan anak-anaknya dengan mendahulukan orang lain bersama wala' ke atas mereka. Jelas bahawa istilah *nawasib* itu dikhususkan kepada setiap individu yang mengingkari salah seorang imam mereka atau menolak pengambilan daripada mereka melalui *Al-Kahfi* dan selainnya. Beliau tidak syak lagi termasuk dalam *nawasib*. Khomeini telah melahirkan kemarahannya terhadap golongan *nawasib* dan menganggap mereka adalah golongan terkutuk serta halal dirampas hartanya. Sembelihan *nawasib* adalah haram dimakan, katanya: "Halal sembelihan semua puak-puak Islam kecuali *nawasib* (puak perampas) sekalipun mereka menzahirkan Islam."

Khomeini berkata: "Jika seorang kafir sejati melepaskan mana-mana anjing untuk buruan atau sesiapa yang semakna dengannya seperti *nawasib* - semoga Allah melaknat mereka, tidak halal apa yang dibunuh". Beliau berkata: "Tidak boleh menyembahyangkan orang kafir dengan segala bahagiannya hinggakan orang murtad dan sesiapa yang

dihukumkan kafir dalam kalangan orang Islam seperti 'nawasib' dan Khawarij."

Khomeini yang berpendapat penghalalan harta *nasibi* berdasarkan hujahnya: *"Pendapat terkuat ialah memasukkan 'nawasib' bersama ahli harb dalam penghalalan harta rampasan mereka dan seperlima daripadanya; bahkan yang zahir harus mengambil hartanya di mana saja ia berada."* Nas hujah Khomeini yang mendakwa bahawa *'nawasib'* daripada golongan terkutuk adalah: *"Adapun golongan 'nawasib' dan Khawarij semoga Allah SWT melaknat mereka, kedua-duanya ialah najis"*.

Kenyataan-kenyataan tersebut menjelaskan pendirian Khomeini terhadap ASWJ. Ia bertentangan dengan semangat Islam dan kemanusiaan sehingga walaupun beliau berpura-pura mengumumkan kedua-duanya itu sebagai *taqiyah*, tetapi penulisannya tentang ASWJ itu mendedahkan tembelangnya kepada orang ramai.

Soalan 15:

Apakah amalan-amalan sesat dan bertentangan dengan ASWJ yang dibawa oleh Khomeini?

Jawapan:

Khomeini banyak menyerlahkan amalan-amalan khurafatnya khasnya di kubur-kubur para imamnya dalam kitab, *Tahrir Al-Wasilah*. Antara contoh-contoh amalan yang bertentangan dengan ASWJ melalui kenyataannya adalah:

- a. Dikecualikan dari tanah - iaitu yang diharamkan memakannya - tanah kubur Sayidina Abu Abdullah Al-Hussein AS bagi menyembuhkan penyakit. Tidak dibenarkan memakannya lebih daripada kadar yang patut. Dan tidak

boleh mencampurkannya dengan tanah dari kubur yang lain termasuk kubur Nabi SAW dan imam-imam AS.

- b. Sebaik-baik masjid ialah Masjid Al-Haram, kemudian Masjid An-Nabi SAW, diikuti dengan Masjid Al-Kufah dan Masjid Al-Aqsa.
- c. Tidak menjadi halangan bersembahyang di belakang, di sebelah kanan atau kiri kubur imam-imam. Bahagian paling utama adalah bersembahyang di sisi kepalanya tetapi tidak menyamai (saf) imam tersebut.
- d. Sunat bersembahyang di kubur imam-imam AS terutama di kubur Amirul Mukminin AS dan Abu Abdullah Al-Hussein AS.

Soalan 16:


Apakah kenyataan Khomeini yang bertentangan dengan permasalahan fiqh yang dipegang oleh ASWJ?

Jawapan:

Sekiranya pegangan akidah tidak betul, maka ia akan membawa pada penyelewengan dalam masalah-masalah yang lain termasuklah masalah fiqh. Buktinya ialah contoh-contoh daripada kenyataan-kenyataan Khomeini yang dipetik dari kitabnya, *Tahrir Al-Wasilah* seperti berikut:

- a. Air istinjaq sama ada daripada air kencing atau dubur najis adalah suci.
- b. Seseorang individu yang dalam junub haram bersembahyang apa jua jenis sembahyang melainkan sembahyang jenazah.

- c. Pendapat yang masyhur atau lebih kuat dijadikan sandaran yang membolehkan bersetubuh dengan isteri ke dalam duburnya.
- d. Wajib Solat Jumaat pada zaman ini dan dipilih antara Solat Jumaat atau Solat Zuhur. Solat Jumaat adalah lebih afdal dan Solat Zuhur lebih dari kedua-duanya.
- e. Bersetubuh dengan isteri sebelum cukup umurnya sembilan tahun adalah dilarang. Tetapi kenikmatan-kenikmatan yang lain seperti meraba dengan syahwat, peluk dan dakap dibenarkan walaupun masih menyusu lagi.
- f. Nikah mutaah (iaitu nikah yang dipersetujui oleh lelaki dan si perempuan mengikut tempoh yang ditentukan) dengan perempuan zina dibenarkan.
- g. Nikah mutaah yang ditetapkan syarat kepada si perempuan dan si lelaki melakukan persetubuhan sama ada pada waktu malam atau waktu siang sahaja dibenarkan. Di samping itu, dibenarkan juga mensyaratkan persetubuhan sekali sahaja atau beberapa kali dengan menerangkan jangka masa yang tertentu.
- h. Dalam kitab *An-Nihayah* oleh At-Tusi pula dinyatakan bahawa tidak disyaratkan atas mereka yang bernikah secara mutaah mengemukakan sebarang saksi atau iklan (memberitahu orang lain). Tidak disyaratkan seorang lelaki menanyakan sama ada perempuan itu mempunyai suami atau tidak. Malah, dibenarkan menikahi tanpa izin ayah perempuan tersebut.

**Soalan 17:****Benarkah Syiah ialah pengikut *Ahlul Bait* Rasulullah SAW?****Jawapan:**

Apabila kita membaca atau berdialog dengan pengikut Mazhab Syiah, mereka sering kali memperkenalkan diri mereka sebagai pengikut Mazhab *Ahlul Bait*.

Perkataan *Ahl* digunakan bagi seorang lelaki untuk merujuk kepada kabilahnya, orang-orangnya dan kaum kerabatnya. Contoh penggunaannya boleh dirujuk di dalam Al-Qur'an.

Di sisi *Ahl Al-Sunnah*, istilah *Ahlul Bait* merujuk kepada keluarga Rasulullah yang terjalin berdasarkan ikatan pernikahan (para isterinya) dan ikatan nasab (anak-anaknya termasuk Ali). Di sisi Syiah, *Ahlul Bait* hanyalah merujuk kepada keluarga ikatan nasab Rasulullah SAW yang terdiri daripada Ali, Fatimah, Hasan dan Husain serta diikuti dengan keturunan mereka.

Syiah sering kali mengistilahkan diri mereka sebagai Mazhab *Ahlul Bait*. *Ahl Al-Sunnah* tidak menerima pengistilahan ini kerana para pengikut *Ahlul Bait* yang sebenar terdiri daripada mereka yang mengiktiraf kekhalifahan Abu Bakar, Umar, Uthman serta mengutamakan mereka melebihi orang-orang lain termasuk Ali sendiri. Berikut adalah iktikad para *Ahlul Bait* Rasulullah SAW: Ali, Fatimah, Hasan dan Husain diikuti dengan para imam keturunan mereka. Antara bukti terkuat bagi perbezaan ini ialah dialog berikut antara Jaa'far Al-Siddiq RA dengan salah seorang Syiah.

Soalan 18:

Mengapakah begitu penting untuk mengetahui iktikad *Ahl Al-Sunnah* terhadap *Ahlul Bait*?

Jawapan:


Perkataan iktikad: Ia berasal daripada perkataan ‘akad” yang bererti menyimpul atau mengikat, seperti menyimpul dan mengikat seutas tali.

Dari sudut istilah, iktikad bermaksud segala sesuatu yang menjadi keyakinan selain daripada amalannya seperti keyakinan akan wujudnya Allah dan keyakinan tentang pengutusan para Rasul. Ia adalah kepercayaan yang tersemat atau tersimpul kuat di dalam hati serta tidak dicemari oleh keraguan sedikit pun sehingga sukar untuk dileraikan.

Antara asas penting yang perlu diketahui dalam perbincangan antara ASWJ dan Syiah adalah iktikad AWSJ ke atas *Ahlul Bait* Rasulullah SAW. Paling kurang terdapat dua sebab:

1. Iktikad AWSJ yang sebenar terhadap *Ahlul Bait* perlu difahami supaya tidak wujud salah faham, seolah-olah AWSJ memusuhi, membenci dan merendah-rendahkan *Ahlul Bait*, khasnya Ali, Fatimah, Hasan dan Husain.
2. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa dalam kalangan ASWJ yang sendiri, sebahagian besar daripada mereka tidak mengetahui kenapa dan bagaimana berinteraksi dengan *Ahlul Bait* Rasulullah. Apatah lagi untuk mengetahui iktikad yang diwajibkan ke atas mereka terhadap *Ahlul Bait* Rasulullah SAW.

Bagi menerangkan iktikad *Ahl Al-Sunnah* ke atas *Ahlul Bait* Rasulullah SAW dan penjelasan Ibn Taimiyyah RA (728 H) di dalam bukunya yang tersangat penting: *Al-'Akidah Al-Wasathiyah*.



Pemilihan ini dilakukan kerana dua sebab:

1. Penerangan Ibn Taimiyyah dalam bab ini adalah antara yang paling lengkap merangkumi iktikad *Ahl Al-Sunnah* ke atas para Sahabat, *Ahlul Bait* dan para isteri Rasulullah SAW.
2. Ibn Taimiyyah sendiri telah dikritik sebagai orang yang membenci dan merendah-rendahkan *Ahlul Bait* Rasulullah SAW kerana tindakan beliau yang menjawab hujah-hujah Syiah, khasnya di dalam kitabnya, *Minhaj Al-Sunnah*. Maka dengan nukilan tersebut akan terhapuslah segala kritikan tersebut kecuali daripada orang-orang yang sememangnya memiliki penyakit di dalam hati mereka.

Soalan 19:

Apakah iktikad *Ahl Al-Sunnah* berkenaan keutamaan Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali?

Jawapan:

Mereka (*Ahl Al-Sunnah*) menetapkan dengan apa yang diterima secara mutawatir daripada *Amir Al-Mukminin* Ali Bin Abi Thalib dan daripada selainnya bahawa sebaik-baik manusia dalam kalangan umat ini sesudah Nabi SAW ialah Abu Bakar kemudian Umar, ketiga Uthman dan keempat Ali sebagaimana yang ditunjukkan oleh riwayat dan sebagaimana yang disepakati oleh para Sahabat RA yang mendahulukan Uthman dengan janji setia (baiah).

Sesungguhnya sebahagian *Ahl Al-Sunnah* setelah mereka bersepakat dalam mendahulukan Abu Bakar dan Umar, berselisih pendapat pula antara Uthman dan Ali, siapakah di antara keduanya yang lebih utama? Maka sebahagian mereka telah mendahulukan Uthman dan (kemudian) diam atau satu perempat

(daripada mereka) mendahulukan Ali dan (ada juga) sebahagian yang mendahulukan Ali dan (ada juga) sebahagian berhenti (yakni menahan diri daripada menyatakan pendapat).

Akan tetapi (akhirnya), *Ahl Al-Sunnah* telah menetapkan untuk mendahulukan Uthman. Namun, masalah ini (perselisihan antara mendahulukan) Uthman dan Ali di sisi jumah *Ahli Sunnah* bukanlah merupakan masalah prinsip yang menyesatkan orang yang berselisih tentangnya.

Namun begitu, masalah yang menyesatkan bagi orang yang berselisih tentangnya ialah masalah kekhalifahan. Yang demikian (kerana) sesungguhnya mereka (*Ahl Al-Sunnah*) yang beriman bahawa khalifah (yang benar) sesudah Rasulullah SAW ialah Abu Bakar kemudian Umar kemudian Uthman kemudian Ali. Barang siapa mencela kekhalifahan dan kepimpinan seorang jua daripada mereka maka dia lebih sesat daripada keldai peliharaannya.

Soalan 20:

Apakah iktikad *Ahl Al-Sunnah* berkenaan para isteri Rasulullah SAW?

Jawapan:

Golongan (*Ahl Al-Sunnah*) setia kepada para isteri Rasulullah SAW; ibu-ibu kaum Mukminin kerana sesungguhnya mereka isteri Baginda (sehingga) ke akhirat nanti, khususnya Khadijah RA, ibu kepada kebanyakan anak-anak Rasulullah dan orang yang pertama beriman kepadanya (kepada Islam) dan (yang pertama) mendukung urusannya. Bagi Baginda SAW, Khadijah RA mempunyai kedudukan yang tinggi.

Rasulullah SAW pernah bersabda tentang Al-Siddiqah Binti Al-Siddiq (A'isyah Binti Abu Bakar) dengan mafhumnya:

“Keutamaan Aisyah ke atas seluruh wanita adalah umpama keutamaan Al-Tsarid (sejenis makanan roti dan daging) di atas semua jenis makanan.”

Soalan 21:

Apakah sikap *Ahl Al-Sunnah* terhadap orang yang menyelisihkan *Ahlul Bait* dan para Sahabat?

Jawapan:

Ahl Al-Sunnah berlepas diri dari jalan (manhaj dan sikap); (i) golongan *Al-Rafidah*, iaitu orang-orang yang membenci dan mencela para Sahabat dan, (ii) golongan *Al-Nawasib*, iaitu orang-orang yang menyakiti *Ahlul Bait* dengan perkataan atau perbuatan.

Soalan 22:

Apakah penghinaan yang dilakukan Syiah terhadap Khulafa' Ar-Rasyidin serta golongan Muhajirin dan Ansar?

Jawapan:

Al-Kulaini menyebutkan dalam kitabnya, *Furu' Al-Kafi*:

“Diriwayatkan daripada Abu Ja'afar AS bahawa setelah Nabi SAW wafat, semua orang (Sahabat) murtad kecuali tiga orang iaitu: Miqdad Bin Aswad, Abu Dzar Al-Ghifari Dan Salman Al-Farisi.” (Furu' Al-Kafi oleh Al-Kulaini, Kitab Ar-Raudhah, hal: 115).



Kitab Furu' Al-Kafi, Syiah

Al-Allamah Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi menyebutkan dalam bahasa Farsi yang terjemahannya seperti berikut: *“Abu Bakar dan Umar keduanya adalah: Firaun dan Haman.”* (Haqqul Yaqin oleh Al-Majlisi; hal: 367).

Selanjutnya Al-Majlisi juga menyebutkan dalam kitabnya, *Taqribul Ma'arif* dengan bahasa Farsi yang terjemahannya seperti berikut: Bahawa Ali Bin Hussin pernah ditanya oleh pembantunya tentang Abu Bakar dan Umar, lalu ia menjawab: *“Keduanya kafir dan orang yang mencintainya juga kafir.”* (Haqqul Yaqin oleh Al-Majlisi; hal: 522).

Al-Majlisi juga menyebutkan dengan bahasa Farsi yang terjemahannya seperti berikut: Abu Hamzah At-Tamali meriwayatkan bahawa ia pernah bertanya kepada Imam Zainal Abidin tentang Abu Bakar dan Umar, kemudian ia menjawab: *“Keduanya kafir, dan barang siapa yang mengangkatnya menjadi khalifah, maka ia juga termasuk kafir. Riwayat-riwayat seperti ini banyak sekali dijumpai dalam kitab-kitab Syiah, terutama dalam kitab Biharul Anwar.”* (Haqqul Yaqin, hal: 533, oleh Al-Allamah Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi).

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi menyebutkan dalam bahasa Farsi yang terjemahannya seperti berikut bahawa Salman pernah berkata semua manusia murtad setelah Rasulullah SAW wafat, kecuali empat orang. Ada manusia seumpama Harun dan pengikutnya, maka Ali seumpama Harun dan Abu Bakar seumpama anak lembu dan Umar seumpama Samiri.

Al-Kasyi, pengarang kitab *Ma'rifatul Akhbaru Ar-Rijal* menyebutkan: *"Berkata Abu Ja'far AS bahawa semua manusia telah menjadi murtad setelah wafat Nabi, kecuali hanya tiga orang, iaitu Miqdad Bin Aswad, Abu Dzar Al-Ghifari Dan Salman Al-Farisi. Mereka inilah yang enggan baiah kepada Abu Bakar."* (*Ma'rifatul Akhbaru Rijal/Rijall Kasyi*, hal: 8, oleh Muhammad Bin Umar Al-Kasyi).

Maqbul Ahmad dalam kitabnya, *Turjumah Ma'ani Al-Qur'an* dalam bahasa Urdu menyebutkan yang terjemahannya seperti berikut; *"Yang dimaksudkan dengan Al-Fahsyah' adalah Abu Bakar, dan yang dimaksudkan dengan Al-Munkar adalah Umar, dan yang dimaksudkan dengan Al-Baghya adalah Uthman."* (*Turjumah Maqbul*; hal: 551 dan *Tafsir Al-Qami*; hal: 218).

Dalam mentafsirkan ayat lain ia juga mengatakan dalam bahasa Urdu yang terjemahannya seperti berikut; *"Yang dimaksudkan dengan al-kuffar adalah Abu Bakar, yang dimaksudkan dengan al-fusuq adalah Umar dan yang dimaksudkan dengan al-'ishyan adalah Uthman."* (*Turjumah Maqbul*; hal: 1027 dan *Tafsir Al-Qami*, hal: 322)

Selanjutnya Maqbul Ahmad menyebutkan dalam terjemahan Al-Qur'annya dalam bahasa Urdu yang mana terjemahannya seperti berikut; *"Kesimpulannya, perkara ini bukanlah hal yang baharu, tetapi bahkan Allah SWT tidaklah mengutus seorang rasul dan nabi sebelum Muhammad, melainkan syaitan telah memasukkan kebatilan pada sesuatu yang menjadi kesukaannya itu. Dan untuk hal yang sama syaitan juga mengutus kedua wakilnya, iaitu: Abu Bakar dan Umar."* (*Turjumah Maqbul*, hal : 674)

Soalan 23:

Bagaimana pandangan Islam terhadap Khulafa' Ar-Rasyidin dan para Sahabat Rasulullah SAW?

Jawapan:

Perhatikanlah wahai saudara, betapa orang-orang Syiah itu memutarbelitkan ayat-ayat Al-Qur'an. Mereka mentafsirkan Al-Qur'an semahu mereka dan menghina para Sahabat rapat Rasulullah SAW yang telah dididik oleh Baginda sendiri dengan manhaj Allah sehingga jiwa mereka suci dan Al-Qur'an telah menyebutkan bahawa mereka itu ahli syurga serta orang yang mendapat keampunan dan keredaan daripada Allah SWT.

Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an tentang mereka:

وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

"...dan Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai..."


(Surah At-Taubah; 9 : 100)

وَالزَّمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَىٰ وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا

"...Dan Allah mewajibkan kepada mereka kalimat takwa dan mereka berhak dengan kalimat takwa itu."

(Surah Al-Fath; 48 : 26)

وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبِيبٌ إِلَيْكُمْ إِلَيَّ الْأَيْمَنَ وَزَيْنَتُهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ
إِلَيْكُمْ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ



"...Allah menjadikan kamu cinta kepada keimanan dan menjadikan iman itu indah dalam hatimu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan dan kederhakaan."

(Surah Al-Hujurat; 49 : 7)

وَكَلَّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسَيْنِيَّ

"...Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka balasan yang lebih baik..."

(Surah Al-Hadiid; 57 : 10)

Sabda Rasulullah SAW mengenai kelebihan para Sahabatnya:

Hadis Amru Bin Al-As RA: "Rasulullah SAW mengutus beliau iaitu Abu Bakar RA untuk menghadapi tentera Zatu As-Salasil. Aku bertanya kepada Baginda, 'Siapakah orang yang paling dicintai?' Rasulullah SAW menjawab: 'Aisyah.' Aku bertanya: 'Siapakah pula dari orang lelaki?' Baginda SAW menjawab: 'Ayahnya, iaitu Abu Bakar RA.' Aku bertanya lagi. Baginda SAW menjawab: 'Umar.' Selepas itu Rasulullah SAW membilang nama beberapa orang Sahabat yang lain."

(Hadis Riwayat Muslim).

Hadis Abu Said RA: Ketika Rasulullah SAW berada di atas mimbar, Baginda SAW bersabda:

"Terdapat seorang hamba, di mana Allah memberi pilihan kepadanya, sama ada beliau ingin memilih kemewahan dunia atau diberi sesuatu yang ada di sisi Allah. Ternyata beliau memilih apa yang ada di sisi Allah. Setelah itu Abu Bakar menangis dan berkata: 'Aku menebus kamu dengan bapa dan ibuku.' Abu Said berkata: 'Rasulullahlah yang dipilihnya dan Abu Bakar sendiri yang memberitahu perkara itu kepadaku.' Rasulullah SAW bersabda:

'Orang yang sanggup berkorban dengan harta dan dirinya kerana aku ialah Abu Bakar. Sekiranya aku ingin mengambil seorang kekasih, aku akan mengambil Abu Bakar sebagai kekasihku, akan tetapi beliau merupakan saudaraku di dalam Islam. Sesungguhnya di masjid ini terdapat jendela besar di antara dua buah rumah untuk Abu Bakar.'"

(Hadis Riwayat Muslim).

Dari Abu Hurairah RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda:

"Janganlah kalian mencaci maki para Sahabatku! Janganlah kalian mencaci maki para Sahabatku! Demi Zat yang jiwaku ditanganNya, seandainya seseorang menginfakkan emas sebesar Gunung Uhud maka ia tidak akan dapat menandingi satu mud atau setengahnya daripada apa yang telah diinfakkan oleh para Sahabatku."

(Hadis riwayat Muslim juga diriwayatkan oleh Bukhari, Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad).

Musuh Allah dan RasulNya serta musuh kaum Muslimin, Abdullah Bin Saba', seorang bangsa Yahudi dan para pengikutnya daripada golongan Syiah, mereka menyebarkan akidah sesat dan membuat riwayat-riwayat dusta serta mentafsirkan Al-Qur'an sekehendak hati mereka, semua itu adalah kerana permusuhan mereka terhadap Islam dan umatnya serta kebencian mereka terhadap Sahabat-sahabat Nabi SAW kerana mereka adalah saksi bagi Al-Qur'an, *nubuwwah* dan As-Sunnah, maka mencela para Sahabat bererti mencela Al-Qur'an, Islam, sunnah dan *nubuwwah*. Semoga Allah SWT menjauhkan kita dan semua kaum Muslimin daripada semua fitnah dan kesesatan mereka itu.

Soalan 24:

Apakah pandangan Syiah terhadap *Ummahatul Mukminin*, isteri-isteri Rasulullah SAW?

Jawapan:

Al-Allamah Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi berkata dalam bukunya, *Haqqul Yaqin* dalam bahasa Farsi yang terjemahannya: “Akidah kami (Syiah) sehubungan dengan akidah at-tabarru’ (berlepas diri). Kami berlepas diri daripada empat berhala iaitu: Abu Bakar, Umar, Uthman dan Muawiyah. Dan berhala wanita yang empat iaitu: Aisyah, Hafsa, Hindun dan Ummu Hakam. Serta seluruh pengikutnya, mereka adalah yang seburuk-buruk makhluk atas permukaan bumi. Tidak sempurna iman seseorang kepada Allah dan Rasul serta imam-imam, kecuali berlepas diri daripada musuh-musuh tersebut.” (*Haqqul Yaqin*, karangan Al-Allamah Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi; hal: 519).



**Golongan Syiah Dalam Perhimpunan
Memperingati Hari Asyura**

Jelas sekali betapa mereka menghina Aisyah, Hafsa dan isteri-isteri Nabi SAW yang lainnya. Padahal Allah SWT telah berfirman di dalam Al-Qur'an:

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ

"Nabi itu lebih utama bagi orang-orang Mukmin daripada diri mereka sendiri dan isteri-isterinya ibu-ibu mereka..."

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 6)

Kemudian, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi juga mengatakan dalam bukunya, *Hayatul Qulub* dalam bahasa Farsi yang terjemahannya seperti berikut: *"Ibnu Babawiyah meriwayatkan dalam kitab Ilalu Asy-Syara'i bahawa Imam Muhammad Al-Baqir AS berkata: Apabila Imam Mahdi telah muncul, maka ia akan menghidupkan Aisyah dan menegakkan hukum had kepadanya, sebagai balasan terhadap perlakuannya atas Fatimah."*

Sesungguhnya ini satu penghinaan besar dan kedustaan yang luar biasa terhadap isteri Rasulullah SAW yang tercinta, Aisyah RA. Kita tidak tahu apa yang layak kita katakan dalam memberi komen terhadap kenyataan dusta tersebut, tetapi kita serahkan sahaja perkara ini kepada Allah SWT, Tuhan yang Maha Kuasa lagi Maha Perkasa, agar ia membalas penghinaan mereka terhadap isteri Nabi SAW.

Berkata Syeikh mereka, Maqbul Ahmad dalam kitab, *Turjumah Al-Qur'an* dalam bahasa Urdu yang ertinya: *"Pemimpin tentera Basrah Aisyah dalam Perang Jamal ia telah melakukan dosa besar menurut ayat ini."*

(Terjemahan Al-Qur'an dalam bahasa Urdu karangan Maqbul Ahmad; hal: 840. Surah Al-Ahzab).

Ahmad Bin Abi Talib At-Thabrisi juga menyebutkan dalam

bukunya, *Al-Ihtijaj*; (Juz 1, hal: 240), “Bahawa Ali AS berkata kepada Aisyah Ummul Mu’minin: ‘Demi Allah, saya menceraikannya’... Rasulullah SAW pernah berpesan kepada Ali AS; ‘Wahai Ali! Permasalahan isteri-isteriku setelah aku meninggal, semuanya aku serahkan padamu.’”

Maksudnya, Ali berhak terhadap isteri-isteri Rasulullah SAW setelah Baginda wafat, untuk tetap menjaga mereka sebagai isteri-isteri Rasulullah SAW atau menceraikannya.

Soalan 25:

Adakah begitu rendah dan hinanya martabat Ummahatul Mukminin, isteri-isteri Rasulullah SAW di dalam Islam, terutamanya Aisyah RA?

Jawapan:

Sesungguhnya ini satu penghinaan dan pendustaan yang dibuat-buat oleh golongan Syiah terhadap isteri Rasulullah SAW yang suci lagi terpelihara. Apatah lagi Aisyah yang mendapat tempat tersendiri di sisi Rasulullah SAW. Al-Qur’an sendiri mengatakan:

لَا سِحْلٌ لَّكَ الْنِّسَاءِ مِنْ بَعْدُ وَلَا أَنْ تَبَدَّلَ بِهِنَّ مِنْ أَزْوَاجٍ
وَلَوْ أَعْجَبَكَ حُسْنُهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ رَاقِبًا ﴿٥٧﴾

Maksudnya:

“Tidak halal bagimu mengahwini perempuan-perempuan sesudah itu dan tidak boleh (pula) mengganti mereka dengan isteri-isteri

(yang lain), meskipun kecantikannya menarik hatimu kecuali perempuan-perempuan (hamba sahaya) yang kamu miliki. Dan Allah Maha Mengawasi atas segala sesuatu.”

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 52)

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ

Maksudnya:

“Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang Mukmin daripada diri mereka sendiri, dan isteri-isterinya ibu-ibu mereka...”

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 6)

يَنسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ

Maksudnya:

“Hai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain...”

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 32)

Dan ayat yang turun sehubungan dengan mereka:

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ

وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿١١﴾

Maksudnya:

“....Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa daripada kamu, Ahlul Bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya.”

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 33)

Allah SWT menurunkan ayat-ayat dalam Surah An-Nur sehubungan dengan kesucian dan iffah serta kesempurnaan Aisyah. Al-Qur'an secara tegas menyatakan golongan yang mencemarkan maruah dan kehormatan Ummul Mukminin adalah termasuk dalam golongan munafik. Allah SWT berfirman:

يَعِظُكُمُ اللَّهُ أَنْ تَعُودُوا لِمِثْلِهِ أَبَدًا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

“Allah memberikan pelajaran kepadamu supaya kamu tidak mengulangi perbuatan yang sedemikian ini selama-lamanya, jika betul kamu orang-orang yang beriman.”

(Surah An-Nur; 24 : 17)

Golongan Syiah telah berbohong dan tidak merasa malu kepada Allah SWT dan hamba-hambaNya. Mereka menghina isteri-isteri Rasulullah SAW. Sesungguhnya seseorang tidak akan reda jika isterinya dihina. Mungkin seseorang masih boleh bersabar jika dirinya dihina, tetapi kalau isteri dan keluarganya yang dihina, kebiasaannya manusia tidak dapat lagi menahan kesabarannya.

Soalan 26:

Adakah anak-anak perempuan Rasulullah SAW juga tidak terlepas daripada penghinaan puak Syiah?

Jawapan:

Majoriti ASWJ bersepakat bahawa jumlah anak perempuan Rasulullah SAW adalah seramai empat orang iaitu; Zainab, Ruqayyah, Ummu Kalthum dan Fatimah RA. Golongan Syiah juga ramai yang berpendapat sedemikian, kecuali Syiah di India dan Pakistan yang mengatakan bahawa Fatimah sahaja anak perempuan Rasulullah SAW sedangkan yang lain tidak dinasabkan kepada Rasulullah SAW. Ini jelas benar bertentangan dengan firman Allah SWT:


أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ

Maksudnya:

"Panggillah mereka dengan menggunakan nama bapa-bapa mereka; itu lebih adil pada sisi Allah."

(Surah Al-Ahzaab; 33 : 5)

Tujuan mereka mengatakan demikian itu adalah kerana permusuhan mereka dengan Uthman Bin Affan yang digelar Zun Nurain, kerana berkahwin dengan dua orang puteri Rasulullah SAW, iaitu Ruqayyah dan Ummu Kalthum serta agar ia tidak mendapat kehormatan yang tinggi.



Soalan 27:

Apakah jenis kesesatan yang dibawa oleh aliran Syiah yang mengancam akidah umat Islam?

Jawapan:

Antara jenis kesesatan yang dibawa oleh aliran Syiah yang mengancam akidah umat Islam adalah dengan menganggap bahawa imam dua belas suci daripada dosa sepertimana yang disebut dan dipetik daripada penulisan mereka.

Daripada Abu Abdillah AS ia berkata: *“Apa yang dibawa oleh Ali AS aku amalkan, dan yang ia larang aku hentikan - ia mendapatkan kemuliaan seperti kemuliaan Nabi Muhammad SAW dan Nabi Muhammad SAW lebih mulia daripada semua makhluk diciptakan oleh Allah SWT, orang yang mengikuti perintahnya, sama halnya dengan mengikuti perintah Allah dan RasulNya. Dan menolak perintahNya baik kecil mahupun besar sama dengan mempersekutukan Allah. Begitu juga bagi semua imam yang lain, Allah menjadikan mereka sebagai tiang-tiang bumi supaya penduduknya tidak goncang - mereka adalah bukti nyata bagi makhluk yang berada di atas bumi dan di bawahnya. Dan Amirul Mukminin (semoga selawat tercurah kepadanya) banyak mengucapakan: ‘Saya pembahagi Allah (Qasimullah) antara syurga dan neraka, akulah “Al-Faruq” yang besar, akulah pemilik tongkat dan tanda yang baik, semua malaikat, malaikat Jibrail dan semua Rasul telah mengakui akan aku seperti pengakuan mereka pada Nabi Muhammad SAW. Dan sesungguhnya aku telah memikul beban (tanggungjawab) seperti beban yang dipikul oleh Nabi Muhammad SAW iaitu beban atau tanggungjawab daripada Allah.’” (Usul Al-Kafi; Kitabul Hujjah : 117).*



Seorang Wanita Syiah Tunduk Hormat Kepada Foto Khomeini

Al-Kulaini juga meriwayatkan:

Berkata Imam Ja'afar As-Sadiq: *"Kami almari pengetahuan Allah, kami penterjemah perintah (wahyu) Allah, kami kaum yang maksum (suci dari dosa kecil dan besar) – Allah SWT menyuruh untuk taat kepada kami, dan melarang berbuat maksiat kepada kami. Kami adalah bukti nyata bagi manusia, antara langit dan bumi."* (Usul Al-Kafi; hal : 165).

Al-Kulaini menyebutkan:

"Aku telah mendengar Abu Abdillah AS berkata: 'Imam-imam itu sama darjatnya/kedudukannya dengan Rasulullah SAW, hanyasanya mereka itu bukan nabi. Dalam batas perkahwinan mereka berbeza daripada nabi, tetapi dalam hal-hal lainnya mereka sama kedudukannya dengan Rasulullah SAW.'" (Usul Al-Kafi; hal : 130).

Al-Kulaini meriwayatkan dalam Usul Al-Kafi: *"Bahawasanya Allah SWT dan RasulNya telah menentukan para imam AS satu persatu."*

"Daripada Abu Ja'afar AS tentang firman Allah SWT, Nabi itu (hendaknya) lebih utama bagi orang-orang Mukmin daripada diri mereka

sendiri dan isterinya adalah ibu-ibu mereka, dan orang-orang yang mempunyai hubungan darah satu sama yang lain lebih berhak (waris mewarisi) di dalam kitab Allah.... Firman Allah dalam Surah Al-Ahzaab, ayat 6:

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ
 وَأُولُو الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ مِنَ
 الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ

Maksudnya:

Nabi itu lebih menolong dan lebih menjaga kebaikan orang-orang yang beriman daripada diri mereka sendiri; dan isteri-isterinya adalah menjadi ibu mereka. Dan orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak (mewarisi) akan setengahnya yang lain - menurut (hukum) kitab Allah - daripada orang-orang yang beriman dan orang-orang Muhajirin (yang bukan kerabatnya)..."

Pada siapa ayat ini diturunkan? Ia menjawab: Ayat ini diturunkan berkenaan dengan kepimpinan anak Husain AS sepeninggalannya; kamilah yang lebih berhak untuk menjadi pemimpin dan lebih berhak pada Rasulullah SAW dan keluarganya daripada orang-orang Mukmin, Muhajirin dan Ansar. Aku bertanya: Apakah anak Ja'afar mempunyai bahagian (berhak) pada yang demikian itu? Ia menjawab: Tidak. Kemudian ia berkata, aku bertanya: Apakah anak Abbas punya bahagian pada yang demikian itu? Ia menjawab: Tidak. Aku sebutkan semua anak keturunan Abdul Mutalib, semua ia katakan: Tidak. Aku lupa menyebutkan anak Hasan AS, kemudian setelah itu aku mendatanginya dan menanyakannya: Apakah anak Hasan punya bahagian (berhak) pada yang demikian itu? Lalu ia menjawab : Tidak, demi Allah, wahai Abdul Rahim! Tidak ada keturunan Muhammad SAW yang berhak (mendapatkan bahagian) pada yang demikian itu selain kami." (Usul Al-Kafi, hal: 177).

Soalan 28:

Apakah perkara atau jenis kesesatan Syiah berkaitan kewajipan taat kepada imam mereka?


Jawapan

Aliran Syiah meletakkan kewajipan untuk taat kepada para imam sepertimana yang dijelaskan dalam buku-buku karangan mereka. Antaranya:

“Dari Abu As-Sabah ia berkata : Aku bersaksi bahawa aku telah mendengar Abu Abdillah AS berkata: Aku bersaksi bahawasanya Ali RA adalah imam yang Allah wajibkan taat kepadanya, dan bahawasanya Hasan adalah imam yang Allah telah wajib taat kepadanya, dan bahawasanya Husain adalah imam yang Allah telah wajibkan taat kepadanya, dan bahawasanya Ali Bin Husain adalah imam yang Allah telah wajibkan taat kepadanya, dan bahawasanya Muhammad Bin Ali adalah imam yang Allah telah wajibkan taat kepadanya.” (Usul Al-Kafi; hal: 109).



Tanah Perkuburan ASWJ Dan Syiah



Al-Kulaini juga meriwayatkan :

“Berkata Imam Muhammad Al-Bakir: Hanyasanya ia (imam) datang membawa perintah daripada Allah SWT pada hari-hari kemuliaan kepada Nabi SAW dan kepada orang-orang yang mendapatkan wasiat: Berbuatlah seperti ini dan seperti perkara ini, dan sesungguhnya mereka telah mengetahui perkara itu, perintahnya bagaimana mereka mengerjakannya.” (Usul Al-Kafi; hal: 154).

Sesungguhnya golongan Syiah telah mengada-adakan makna *imamah* (kepemimpinan) daripada mereka sendiri, dan menjadikan imam mereka sebagai orang maksum (suci daripada semua dosa) seperti para nabi Allah. Dan menjadikan mereka itu sebagai orang yang mengetahui perkara-perkara ghaib untuk menguatkan alasan mereka itu. Padahal sebenarnya makna imam itu adalah *al-qudwah* (teladan/ikutan) secara mutlak, baik Mukmin mahupun kafir. Seperti firman Allah SWT:

قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا ط

Maksudnya:

“.....Sesungguhnya Aku (Allah) akan menjadikan engkau (Ibrahim) imam bagi seluruh manusia....”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 124)

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا

لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya:

“....Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah Al-Furqaan; 25 : 74)

فَقَتَلُوا أئِمَّةَ الْكُفْرِ^٧

Maksudnya:

“.....maka perangilah pemimpin-pemimpin kaum yang kafir itu....”

(Surah At-Taubah; 9 : 12)

وَجَعَلْنَاهُمْ أئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ^٨

Maksudnya:

“Dan Kami jadikan mereka pemimpin-pemimpin yang menyeru (manusia) ke neraka....”

(Surah Al-Qasas; 28 : 41)

Ayat-ayat tersebut tidak menunjukkan adanya *ishmah* (suci daripada semua dosa), dan tidak pula menunjukkan adanya ilmu ghaib dan kemampuan untuk melakukan suatu perkara. Dan mereka pun tidak mempunyai dalil agama (dalil syar’ii) yang menunjukkan adanya sifat-sifat tersebut bagi imam-imam mereka seperti yang mereka sifatkan itu. Ya, memang Al-Qur’an menetapkan adanya empat golongan yang tersebut dalam firman Allah SWT:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ
مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ^٩ وَحَسُنَ
أُولَئِكَ رَفِيقًا^{١٠}

Maksudnya:

“Dan barang siapa yang mentaati Allah dan RasulNya, mereka itu

akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, iaitu: nabi-nabi, para siddiqin, orang-orang yang mati syahid dan orang-orang soleh. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya.”

(Surah An-Nisaa’; 4 : 69)



Imam Bersembahyang Di Dalam Lubang

Namun, dalam empat golongan ini tidak ada disebutkan adanya jawatan kepemimpinan (*imamah*) seperti yang diadakan oleh golongan Syiah, dan dijadikan sebagai asas bagi mazhab mereka. Padahal setelah wafat/syahidnya Sayidina Uthman RA, mereka berkata kepada Ali RA: “Keluarkan tanganmu, kami akan membaiahmu sebagai khalifah. Maka beliau berkata: “Biarkanlah aku, carilah orang lain selainku, dan jika kalian meninggalkan aku, maka aku seperti salah seorang di antara kalian juga, dan aku berharap semoga aku menjadi orang yang lebih mendengar dan lebih taat di antara kalian daripada orang yang kalian lantik menjadi pemimpin mengurus urusan kalian, sedang aku menjadi menteri kalian, itu lebih baik bagi kalian daripada aku menjadi pemimpin (khalifah) kalian.’.” (Nahjul Balaghah; Juz: 1, hal: 183).

Ucapan Sayidina Ali RA tersebut dinukilkan daripada kitab *Nahjul Balaghah* iaitu kitab rujukan yang diperakui oleh golongan Syiah.

Soalan 29:

Adakah jawatan kekhalifahan @ *imamah* khusus untuk 12 imam sahaja?

Jawapan:

Jika kekhalifahan itu ketentuan daripada Allah, tidak mungkin Sayidina Ali RA akan menolak dan menyatakan uzurnya ketika hendak di bai'ah menjadi imam (khalifah) kerana kepemimpinan yang ditetapkan oleh Allah SWT itu wajib diterima dan ditaati oleh imam itu sendiri serta rakyat yang dipimpinnya. Begitu juga, mengapakah Hasan RA menyerahkan kekhalifahan (kepemimpinan) itu kepada Muawiyah RA dan membaiahnya dan hal yang sama apabila Husain RA membaiah Muawiyah RA.

Jika Hasan dan Husain adalah imam yang ditentukan daripada Allah SWT, kenapa mereka membaiah Muawiyah RA, dan menyerahkan kekhalifahan itu kepadanya?

Ma'mun Ar-Rasyid juga berkata kepada Ali Ridha RA: *"Menurut pendapatku, sebaiknya aku menghentikan diriku menjadi khalifah, dan menjadikan kekhalifahan itu untukmu, dan membaiahmu..."* Lalu Ali Ridha RA menjawab: *"Aku sama sekali tidak akan melakukan itu dengan tamak."*

Ini juga menunjukkan bahawa Ali Ridha RA tidak mahu menerima *imamah* (kepemimpinan); bererti *Imamah* itu bukanlah ketetapan daripada Allah SWT yang wajib. Disebabkan kerananya orang-orang Rawafidh dan Syiah mengkafirkan para Sahabat Rasulullah SAW.

Adapun sifat-sifat (khalifah) yang kita yakini adalah dengan mencontohi ciri-ciri yang ada pada Rasulullah SAW. Hal ini berdasarkan nas yang jelas daripada Al-Qur'an dan Al-Hadis Rasulullah SAW. Al-Qur'an dengan jelas mengatakan:

﴿١٧﴾ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

"Dan tidaklah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam."

(Surah Al-Anbiyaa'; 20 : 107)

﴿٢٨﴾ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ

النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya:

"Dan Kami tidak mengutus kamu, melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan....."

(Surah Saba'; 34 : 28)

﴿١٥٨﴾ قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا

Maksudnya:

"Katakanlah: Hai manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua...."

(Surah Al-A'raaf; 7 : 158)

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ

نَذِيرًا ﴿١﴾

Maksudnya:

“Maha Suci Allah yang telah menurunkan Al-Furqaan (Al-Qur’an) kepada hambaNya, agar dia menjadi pemberi peringatan kepada seluruh alam.”

(Surah Al-Furqaan; 25 : 1)

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ

ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

“Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.”

(Surah An-Nisaa’; 4 : 65)

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا
 اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Maksudnya:

"....Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah...."

(Surah Al-Hasyr; 59 : 7)

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
 ذُنُوبَكُمْ ۗ

Maksudnya:

"Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu...."

(Surah Ali 'Imran; 3 : 31)

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ ۗ

Maksudnya:

"Barang siapa mentaati Rasul, sesungguhnya ia telah mentaati Allah...."

(Surah An-Nisaa'; 4 : 80)

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ ۖ جَهَنَّمَ ۗ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

﴿١١٥﴾

Maksudnya:

“Dan barang siapa yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mukmin, Kami biarkan ia berleluasa terhadap kesesatan yang telah dikuasainya itu, dan Kami masukkan ia ke dalam Jahanam, dan Jahanam itu seburuk-buruk tempat kembali.”

(Surah An-Nisaa’; 4 : 115)

Para ulama Islam telah bersepakat bahawa Nabi Muhammad SAW adalah makhluk yang paling mulia, mempunyai kedudukan yang sangat tinggi sehingga tiada manusia yang menyerupai sifat dan keutamaannya. Baginda SAW adalah nabi yang maksum dan ditaati serta penutup para nabi. Para khalifahNya pula terdiri daripada individu-individu yang taat mengikuti jejak langkahNya dan meneladani Baginda SAW baik dalam hal-hal yang kecil mahupun yang besar. Mereka adalah hamba-hambaNya yang warak dan mempunyai keutamaan yang besar, tetapi mereka itu tidak bersekutu dengan Baginda dalam hal ismah, dan tidak pula mereka menyamai Baginda dalam hal keutamaan dan kesempurnaan sepertimana golongan Syiah lakukan terhadap imam-imam mereka.

Soalan 30:

Adakah golongan Syiah mengiktiraf Al-Qur'an yang ada pada tangan kaum Muslimin pada hari ini?

Jawapan:

Golongan Syiah tidak mempercayai Al-Qur'an yang ada di tangan kaum Muslimin pada masa kini kerana tiga perkara:

1. Mereka berpegang pada akidah bahawa semua para Sahabat Nabi SAW adalah pendusta.

Jika semua Sahabat Nabi SAW dan imam-imam *Ahlul Bait* telah berdusta, maka siapakah yang menyampaikan Al-Qur'an daripada Rasulullah SAW dengan haq dan meriwayatkan Al-Qur'an Al-Karim?

2. Mereka tidak percaya kepada Imam-imam *Ahlul Bait*. Justeru, bagaimana mungkin kaum Rafidah dan Syiah itu percaya pada kesahihan dan kesempurnaan Al-Qur'an yang ada pada masa kini.
3. Mereka hanya membenarkan dan menerima riwayat-riwayat yang ada pada kitab-kitab mereka yang muktamad yang jumlahnya melebihi dua ribu riwayat (menurut mereka riwayatnya mutawatir). Kesemuanya dengan tegas menyebutkan bahawa Al-Qur'an yang ada pada kaum Muslimin pada masa kini telah diubah, dikurangi dan ditambah. Ironinya, tidak terdapat satu riwayat yang sahih dalam semua kitab Syiah yang menunjukkan bahawa Al-Qur'an yang ada pada kaum Muslimin pada masa kini adalah sempurna dan lengkap serta tidak ada yang diubah; seolah-olah darjat Al-Qur'an Al-Karim (yang ada pada kaum Muslimin) daripada segi *thubutnya* lebih rendah daripada darjat hadis ahad (*khobarul wahid*) menurut orang-orang Syiah.

Adapun alasan sebahagian golongan Syiah adalah berdasarkan ucapan ulama mereka yang empat iaitu; As-Syarif Al-Murtadha, Abu Ja'far At-Tusi, Abu Ali At-Thabrisi dan As-Syeikh Ash-Suduq.



Kitab Al-Qur'an

Bahawa mereka itu mengingkari adanya *tahrif* (penyimpangan) di dalam Al-Qur'an Al-Karim. Maka, alasan mereka berdasarkan pendapat ulama yang empat itu adalah alasan yang lemah kerana rujukan Mazhab Syiah adalah ucapan-ucapan (*aqwal*) para imam yang maksum dan jumbuh ulama hadis dalam kalangan mereka, serta riwayat-riwayat mereka yang melebihi dua ribu, semuanya mengatakan adanya *tahrif* (penyimpangan) terhadap Al-Qur'an.

Maka, apakah ertinya ucapan-ucapan ulama mereka yang empat itu dibandingkan ucapan imam-imam yang maksum dan jumbuh ulama hadis serta ulama-ulama besar Syiah terdahulu. Adapun apa yang dikatakan oleh ulama Syiah yang empat itu, bahawa di dalam Al-Qur'an tidak ada yang diubah; itu tidak lain adalah disebabkan "*taqiyah*" kerana keadaan tidak mengizinkan mereka untuk mengatakan adanya *tahrif* (penyimpangan) - terutama apabila ia mengetahui keutamaan dan darjat *taqiyah* itu dalam Mazhab Syiah. Para pentahqiq Syiah pun telah membantah ucapan ulama mereka yang empat tersebut. Seperti yang dikatakan oleh Al-Hussin Bin Muhammad Taqiyunnuri Ath-Thabrisi dalam

kitabnya, *Fashlul Khitab Fi Tahriifi Kitab Rabbil Arbab* (halaman: 33): “Tidaklah ditemui dalam kalangan para ulama Syiah terdahulu yang sependapat dengan mereka.”

Jumhur ulama hadis dalam kalangan Syiah meyakini adanya *tahrif* (penyimpangan) di dalam Al-Qur’an seperti yang dikatakan oleh Al-Hussin Bin Muhammad Taqiyunnuri Ath-Thabrisi di dalam kitabnya, *Fashlul Hithbab* (halaman: 32).



Contoh Ayat Yang Diubah Oleh Golongan Syiah

Sekarang dikemukakan sebahagian kecil daripada riwayat-riwayat yang menunjukkan bahawa Al-Qur’an itu telah diubah (*ditahrif*) dan berdasarkan membenarkan daripada kitab-kitab Syiah yang terkenal.

Muhammad Bin Ya’qub Al-Kulaini mengeluarkan dalam *Usul Al-Kafi* dengan bab (*Bahawasanya Al-Qur'an itu belum dihimpunkan seluruhnya melainkan oleh para imam; mereka mengetahui ilmu Al-Qur'an semuanya*):

Jabir menceritakan, aku mendengar Abu Ja’far AS berkata: “Tidak ada seorang pun di antara manusia ini yang mengaku bahawa ia telah menghimpun Al-Qur’an sesempurna yang diturunkan oleh Allah SWT kecuali orang itu pendusta, dan tidak ada yang menghimpun dan menghafalnya sesempurna yang Allah turunkan kecuali Ali Bin Abi Thalib dan imam-imam AS sesudahnya.”

Seterusnya, Al-Kulaini menyebutkan dalam *Usul Al-Kafi*

di halaman 263 (*Bab pada Al-Qur'an ada ayat yang dikeluarkan dan dicabut tentang wilayah*):

"Dari Abu Abdillah AS: (dan sungguh telah kami amanatkan dahulu kepada Nabi Adam AS kalimat-kalimat yang berkenaan dengan Nabi Muhammad SAW, Ali, Fatimah, Hasan, Husain dan para imam daripada keturunan mereka, tetapi ia lupa). Demi Allah, beginilah telah diturunkan kepada Muhammad SAW."


Al-Kulaini juga meriwayatkan di dalam *Usul Al-Kafi* (halaman 264): *"Dari Abu Abdillah AS ia berkata: Telah turun Jibrail kepada Muhammad SAW membawa ayat ini (yang ertinya): Wahai orang-orang yang diturunkan kepadanya Al-Kitab, berimanlah kalian kepada cahaya yang terang yang telah kami turunkan berkenaan dengan kes Ali AS."*

Sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa Sayidina Uthman RA telah membakar mashaf dan membuang surah-surah yang berkenaan dengan keutamaan Ali dan keluarganya AS, antaranya:

"Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Wahai orang-orang yang beriman, percayalah kalian kepada nurani, kami turunkan keduanya untuk membacakan kepada kalian ayat-ayatKu, dan memperingatkan kepada kalian seksa pada Hari Yang Besar, dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

(*Fashlul Hithab*, hal: 180)

Demikianlah penyelewengan yang telah dilakukan oleh golongan Syiah dengan mengikut hawa nafsu mereka dalam memperlakukan Al-Qur'an. Adakah Rasulullah SAW sanggup untuk menyembunyikan wahyu yang disampaikan oleh Allah SWT bagi kepentingan dirinya? Adakah Rasulullah SAW sanggup berbohong kepada umatnya? *Na'uzubillahi min zalik*. Adakah Khulafa' Ar-Rasyidin yang dijamin syurga akan bertindak sedemikian rupa, tidak jujur dan amanah dalam melaksanakan



amanah yang diberikan? Lihatlah kejahatan dan propaganda golongan Syiah yang sesat dan telah banyak membawa kehancuran dan kerusakan sepanjang zaman dan dalam kehidupan umat Islam.

Soalan 31:

Adakah akidah yang dipegang oleh Syiah menyekutu dan mensyirikkan Allah?

Jawapan:

Jika merujuk pada buku-buku penulisan golongan Syiah, ia secara jelas mempersekutukan Allah sepertimana berikut:

1. **Muhammad Bin Ya'kub Al-Kulaini menyebutkan dalam *Usul Al-Kafi* (Bab: Bahawasanya bumi ini semuanya milik imam):**

“Daripada Abu Abdillah AS ia berkata: Bahawasanya dunia dan akhirat milik imam, diletakkan menurut yang ia kehendaki, dan diberikan kepada siapa yang ia kehendaki, boleh baginya dari Allah.” (Usul Al-Kafi; hal: 259).

Maka, apakah kesimpulan yang boleh diambil oleh seorang Muslim yang adil daripada perkataan tersebut?

Padahal Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an:

إِنَّ الْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَنْ يَشَاءُ

Maksudnya:

“Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah SWT, Dia wariskan kepada sesiapa yang dikehendakiNya.”

(Surah Al-A'raaf; 7 : 128)

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ ﴿١٨٦﴾

“Dan kepunyaan Allahlah kerajaan langit dan bumi.”

(Surah Ali ‘Imran; 3 : 189)

فَلِلَّهِ الْآخِرَةُ وَالْأُولَىٰ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

“Maka hanya bagi Allah kehidupan akhirat dan kehidupan dunia.”

(Surah An-Najm; 53 : 25)

لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ

Maksudnya:

“KepunyaanNya kerajaan langit dan bumi.”

(Surah Al-Hadiid; 57 : 2)

تَبْرَكَ الَّذِي فِي يَدَيْهِ الْمُلْكُ ۗ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

Maksudnya:

“Maha Suci Allah yang di tanganNya lah segala kerajaan dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.”

(Surah Al-Mulk; 67 : 1)



Sambutan Hari Asyura Golongan Syiah

2. Golongan Syiah menulis:

“Ali berkata :Sayalah yang awal dan sayalah yang akhir, sayalah yang zahir dan sayalah yang batin, dan sayalah yang mewarisi bumi.”
(Rijal Kasyi; hal: 138).

Akidah ini juga batil seperti yang pertama; padahal Sayidina Ali RA tidak pernah mengucapkan hal seperti itu. Ini adalah fitnah dan dusta yang diada-adakan oleh mereka terhadap Ali RA, dan mustahil beliau mengatakan yang demikian itu kerana Allah SWT berfirman:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ

“Dialah (Allah) Yang Awal dan Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin.”

(Surah Al-Hadiid; 57 : 3)

وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

“Dan Allahlah yang mempunyai (mempunyai) langit dan bumi.”

(Surah Al-Hadiid; 57 : 10)

3. Maqbul Ahmad seorang ahli tafsir Syiah yang terkenal mentafsirkan Surah Az-Zumar, ayat 69:

وَأَشْرَقَتِ الْأَرْضُ بِنُورِ رَبِّهَا

“Dan terang benderanglah bumi (Padang Mahsyar) dengan cahaya Tuhannya.”

“Ia berkata: Bahawasanya Ja'afar As-Sadiq berkata : Sesungguhnya Tuhan bumi ('Rabbul ardhi') dalam ayat di atas ialah imam orang Syiah. Ketika imam itu keluar, cahayanya cukup terang dan manusia tidak lagi memerlukan cahaya matahari dan bulan.” (Terjemahan Maqbul Ahmad; hal. 339).

Perhatikanlah bagaimana kesesatan mereka menjadikan imam mereka sebagai Tuhan. Mereka mengatakan bahawa makna ayat “*Binuuri Rabbih*” (dengan cahaya Tuhannya) ialah imam, sebagai pemelihara dan pemilik (raja) bumi.

4. Ahli tafsir Syiah ini juga mengatakan ketika mentafsirkan Surah Az-Zumar ayat 65 dan 66:

لَيْنَ أَشْرَكَتَ لِيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَسِرِينَ ﴿٦٥﴾ بَلِ
 اللَّهُ فَاعْبُدْ وَكُنْ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿٦٦﴾

Maksudnya:

"Jika kamu mempersekutukan (Tuhan), nescaya akan hapuslah amalmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang merugi. Kerana itu, maka hendaklah Allah saja kamu sembah dan hendaklah kamu termasuk orang-orang yang bersyukur."

Ahli tafsir Syiah ini juga mengatakan dalam mentafsirkan firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksudnya:

"Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembahKu."

(Surah Adz-Zaariyaat; 51 : 56)

Bahawasanya Ja'afar As-Sadiq mentafsirkan ayat tersebut dengan riwayat daripada Husain RA *"Bahawasanya Allah menciptakan jin dan manusia untuk mengenalNya, kerana apabila mereka mengenalNya, mereka akan menyembahNya."* Kemudian salah seorang di antara mereka (pengikut Syiah) bertanya kepada Ja'afar As-Sadiq : *"Apakah yang dimaksudkan dengan makrifat (mengetahui) itu?"* Lalu Ja'afar As-Sadiq menjawab: *"Iaitu bahawa manusia itu mengenal/mengetahui imam pada zaman mereka."* (Terjemahan Maqbul Ahmad; hal: 1043).



Bahaya Syiah

Lihatlah bagaimana golongan Syiah mengada-adakan penambahan dalam sesuatu ayat mengikut hawa nafsu mereka. Padahal ayat ini membicarakan tentang tauhid (keesaan Allah) dan Allah yang menciptakan segala sesuatu, seharusnya hanya kepadaNya sahaja diperuntukkan semua ibadah: Kenapakah mereka memalingkan ayat ini dan mempersekutukan Allah? Semoga Allah melindungi orang-orang yang ikhlas memperjuangkan dan menegakkan agamanya serta tidak mensyirikkanNya.

Soalan 32:

Apakah pegangan golongan Syiah dalam perkara yang melibatkan halal dan haram?

Jawapan:

Dalam *Usul Al-Kafi* (para imam golongan Syiah menghalalkan apa yang mereka inginkan dan mengharamkan apa yang mereka kehendaki, dan mereka tidak akan menghendaki melainkan apa yang Allah SWT kehendaki). (*Usul Al-Kafi*; hal: 278).

Padahal Allah SWT berfirman kepada RasulNya:

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ لِمَ تَحْرِمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ ط

Maksudnya:

"Hai Nabi, mengapa kamu mengharamkan apa yang Allah halalkan bagimu."

(Surah At-Tahriim; 66 : 1)

Jika Allah SWT memperingatkan RasulNya kerana mengharamkan sesuatu yang halal baginya, apa lagi manusia yang bukan seorang Nabi.

Al-Kulaini juga mengatakan dalam *Usul Al-Kafi* (Bab: Bahawasanya imam-imam itu mengetahui bila mereka akan mati, dan mereka tidak akan mati melainkan pada saat yang mereka telah tetapkan sendiri).

"Berkata Abu Abdillah AS: Seorang imam yang tidak tahu sesuatu yang ghaib daripada dirinya, dan tidak tahu ke mana sesuatu akan terjadi, maka dia bukanlah merupakan bukti kebenaran Allah untuk makhlukNya." (*Usul Al-Kafi*; hal: 158).

Padahal Allah SWT berfirman:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya:

“Katakanlah: Tidak ada seorang pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah.”

(Surah An-Naml; 27 : 65)

✽ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

Maksudnya:

“Dan pada sisi Allahlah kunci-kunci semua yang ghaib; tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri.”

(Surah Al-An’aam; 6 : 59)

Akan tetapi golongan Syiah mempersekutukan Allah dengan imam-imam mereka dalam perkara-perkara yang ghaib. Lihatlah, mereka menganggap bahwa imam-imam mereka itu lebih pandai (berilmu) daripada para malaikat, para nabi dan rasul. Mereka juga menganggap bahwa ilmu imam-imam mereka setaraf dengan ilmu Allah. Ternyata semua tanggapan mereka tersebut merupakan satu kebohongan dan kekufuran.

Kitab-kitab Syiah seperti *Usul Al-Kafi* dan *maraji'-maraji'* (rujukan-rujukan) Syiah yang lainnya penuh dengan akidah-akidah sesat yang boleh membawa seseorang Islam itu murtad dan terkeluar dari landasan Islam yang sebenar.

Soalan 33:

Apakah dalil-dalil dan bukti yang menunjukkan bahawa Allah SWT sebagai Pencipta yang menjadikan langit dan bumi serta berkuasa atas segala sesuatu tanpa perlu bantuan?

Jawapan:

Allah SWT berfirman:

اللَّهُ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾

Maksudnya:

“Allah Yang Mencipta segala sesuatu dan Dialah Yang Memelihara segala-galanya.”

(Surah Az-Zumar; 39 : 62)

وَلَا يُشْرِكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

Maksudnya:

“Dan Dia tidak mengambil seorang pun menjadi sekutunya dalam menetapkan keputusan.”

(Surah Al-Kahfi; 18 : 26)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ ۗ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ

Maksudnya:

“Allah tidak ada Tuhan melainkan Dia Yang Hidup Kekal lagi

terus menerus mengurus (makhlukNya); tidak mengantuk dan tidak tidur, kepunyaanNya apa yang ada di langit dan bumi."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 255)

وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِن أَشْرَكْتَ
لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada (Nabi-Nabi) sebelumnya, jika kamu mempersekutukan (Tuhan) nescaya hapuslah amalmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang rugi."

(Surah Az-Zumar; 39 : 65)

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ
يَشَاءُ ۚ

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang lain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendakiNya."

(Surah An-Nisaa'; 4 : 48)

إِنَّهُم مِّنْ يُشْرِكُونَ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ

Maksudnya:

"...Sesungguhnya orang yang mempersekutukan (sesuatu dengan)

Allah, maka pasti Allah mengharamkan kepadanya syurga, dan tempatnya ialah neraka...”

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 72)

Ayat-ayat tersebut dan ayat-ayat yang lain secara jelas menyatakan bahawa Allah SWT sendiri Pencipta segala sesuatu. Allah SWT juga yang mengatur segala yang di langit dan di bumi, Dia Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui atas segala-galanya.

Golongan Syiah sebaliknya menetapkan sifat-sifat *Ilahiyyah* (ketuhanan) bagi imam-imam mereka. Bukankah menetapkan sifat *Ilahiyyah* pada selain Allah adalah satu perbuatan syirik? Tentu sahaja ia adalah perbuatan syirik dan golongan yang mengucapkan kalimat-kalimat tersebut adalah musyrik yang nyata.

Soalan 34:

Adakah hanya sebilangan kecil daripada ulama Syiah yang menulis mengenai kononnya Al-Qur'an yang berada di tangan umat Islam hari ini telah diselewengkan?

Jawapan:

Sungguh ramai para ulama hadis Syiah telah mengarang kitab tentang penyimpangan Al-Qur'an sebagaimana disebutkan oleh Hussin Bin Muhammad Taqiyu An-Nuri Ath-Thabrisi dalam kitabnya yang terkenal, *Fashlul Khithab Fi Tahrifi Kitab Rabbil Arbab*. Dalam mukadimahnyanya, ia mengatakan: *“Kitab ini baik sekali dan satu kehormatan yang pernah saya tulis tentang kebenaran penyimpangan Al-Qur'an dan kejahatan orang-orang yang zalim.”*

Kemudian pada halaman 27 dalam kitab yang sama, ia menjelaskan tentang tulisan-tulisan yang bertemakan sekitar

tahriful Al-Qur'an (penyimpangan Al-Qur'an), antara lainnya:

1. Kitab *At-Tahrif* (kitab penyimpangan)
2. Kitab *At-Tanzil Wa At-Taghyir* (kitab yang diturunkan dan yang diubah)
3. Kitab *At-Tanzil Minal Quran Wa At-Tahrif* (Al-Qur'an yang diturunkan dan yang disimpangkan)
4. Kitab *At-Tahrif Wa At-Tabdil* (kitab yang disimpangkan dan yang diganti)
5. Kitab *At-Tanzil Wa At-Tahrif* (kitab yang diturunkan dan yang disimpangkan)

Semua tema tersebut menunjukkan bahawa *tahriful Qur'an* (penyimpangan Al-Qur'an) itu bahagian yang penting dari akidah mereka, kerana itu mereka banyak menulis kitab yang bertemakan tentang penyimpangan Al-Qur'an.

Soalan 35:

Adakah benar dakwaan ulama Syiah bahawa Al-Qur'an yang berada di tangan umat Islam telah diselewengkan?

Jawapan:

Menurut Islam, Al-Qur'an itu sedikit pun tidak dimasuki oleh kebatilan baik dari depan mahupun dari belakangnya, diturunkan daripada Tuhan Yang Maha Bijaksana. Allah SWT juga berfirman dalam Al-Qur'an:

الْم ﴿١﴾ ذٰلِكَ الَّذِي لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ

Maksudnya:

“Alif Laam Mim. Kitab Al-Qur’an ini tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa.”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 1)

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿١﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Qur’an, dan sesungguhnya Kami tetap memeliharanya.”

(Surah Al-Hijr; 15 : 9)

لَا تَحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۗ ﴿١١﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ
وَقُرْآنَهُ ۗ ﴿١٤﴾ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۗ ﴿١٨﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا
بَيَانَهُ ۗ ﴿٢١﴾

Maksudnya:

“Janganlah kamu gerakan lidahmu untuk (membaca) Al-Qur’an kerana hendak cepat-cepat (menguasai)nya. Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacaknya, maka ikutilah bacaannya itu. Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya.”

(Surah Al-Qiyamah; 75 : 16-19)

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ

مِثْلِهِ

Maksudnya:

“Dan jika kamu (tetap) dalam keraguan tentang Al-Qur’an yang Kami wahyukan kepada hamba Kami (Muhammad), buatlah satu surah (saja) yang sama dengan Al-Qur’an...”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 23)

قُلْ لَئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا

الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ ۚ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا



Maksudnya:

“Katakanlah: Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat semisal Al-Qur’an ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuatnya, sekalipun sebahagian mereka membantu sebahagian yang lainnya.”

(Surah Al-Israa’; 17 : 88)

Kaum Muslimin baik di timur mahupun di barat telah sepakat, bahawa Al-Qur’an yang ada di tangan kaum Muslimin sekarang dimulai dari Surah Al-Fatihah sehingga ke surah terakhir iaitu Surah An-Nas adalah wahyu Allah yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Sesiapa yang tidak mengakuinya walau satu huruf pun, maka bererti ia telah kafir.

Adapun alasan yang masih dipegang oleh sebahagian golongan Syiah, setelah mereka tidak mendapati alasan yang kuat untuk membuktikan keimanan mereka terhadap Al-Qur'an dan bahawa Al-Quran yang ada sekarang ini masih terjaga keasliannya, mereka mengatakan: "*Meskipun riwayat tentang penyimpanan Al-Qur'an itu ada pada kitab-kitab kami, tidak jadi masalah kerana kitab-kitab kalian pun ada menyebutkan tentang 'nasakh tilawah' dan 'ikhtilaful qiraat' (perbezaan dalam membaca ayat-ayat Al-Qur'an)*". Jawapan bagi menolak hujah golongan Syiah tersebut; bahawa *nasakh* dan *ikhtilaful qiraat* itu berdasarkan riwayat-riwayat yang sahih dan mutawatir daripada Rasulullah SAW dan ini sangat jauh berbeza dengan apa yang ada pada kitab-kitab mereka itu dan tidak ada seorang pun daripada ulama ASWJ yang mengatakan bahawa Al-Qur'an telah diubah atau disimpangkan bahkan mereka sepakat mengatakan bahawa barang siapa yang berpendapat seperti yang demikian itu maka ia telah kafir dan keluar daripada agama Islam.

Soalan 36:

Adakah *taqiyah* merupakan salah satu pegangan dan keutamaan dalam ajaran Syiah?

Jawapan:

Taqiyah menurut ajaran Syiah ialah bohong yang nyata atau nifak yang jelas. Terdapat beberapa riwayat yang berkaitan dengan akidah Syiah mengenai *taqiyah* dan keutamaannya yang dinukilkan daripada kitab-kitab Syiah yang muktabar.

Al-Kulaini meriwayatkan:

"Daripada Ibnu Umair Al-A'jami ia berkata: Telah berkata kepadaku Abu Abdillah AS: Ya Abu Umar, sesungguhnya sembilan per

sepuluh daripada agama adalah 'taqiyah' dan tidak ada agama bagi orang yang tidak 'taqiyah', 'taqiyah' boleh dilakukan dalam segala perkara kecuali dalam masalah 'nabiz' dan mengucap di atas kedua-dua sepatu." (Usul Al-Kafi; hal: 482).

"Abu Ja'far AS berkata: Taqiyah bahagian dari agamaku dan agama orang tuaku dan tidak ada iman seseorang tanpa taqiyah." (Usul Al-Kafi; hal: 484).



Peta Syiah, Iran

"Daripada Abu Abdillah AS ia berkata: Jagalah agamamu, dan bentengilah ia dengan taqiyah kerana tidak beriman seseorang tanpa melakukan taqiyah." (Usul al-Kafi; hal: 483).

"Daripada Abu Abdillah AS sehubungan dengan firman Allah SWT, 'tidaklah sama kebaikan dan kejahatan.'." Abu Abdillah mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan 'al-hasanah' (kebaikan) dalam ayat ini adalah taqiyah dan yang dimaksudkan dengan 'as-sai'ah' (kejahatan) adalah menyampaikan apa adanya. Sedang firman Allah SWT (maksudnya): ('Tolaklah kejahatan itu dengan cara yang lebih baik') ditafsirkan bahawa 'allati hia ahsan' sebagai taqiyah." (Usul Al-Kafi; hal: 482).

Azan Syiah

الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، أشهد أن لا إله إلا الله، أشهد أن لا إله إلا الله،
 أشهد أن محمدا رسول الله، أشهد أن محمدا رسول الله، أشهد أن عليا ولي الله،
 (Aku bersaksi bahawa Ali adalah khalifah yang dilantik oleh Allah)
 حي على الصلاة، حي على الصلاة، حي على الفلاح، حي على الفلاح،
 حي على خير العمل، حي على خير العمل،
 (Marilah ke arah sebaik-baik amalan)
 الله أكبر، الله أكبر، لا إله إلا الله، لا إله إلا الله

Azan Syiah

Al-Kulaini juga meriwayatkan daripada Darsat Al-Wasithi, ia berkata, *"Berkata Abu Abdillah AS: Taqiyah yang paling tinggi adalah taqiyah Ashhabul Kahfi, mereka ikut menyaksikan hari-hari besar (agama lain) dan malah ikut mengikat pinggang bersama orang-orang Nasrani. Kerana itu Allah memberikan ganjaran dua kali ganda kepada mereka."* Demikian tertulis dalam kitab *Usul Al-Kafi* dalam bab *Taqiyah*.

Inilah antara pegangan akidah ajaran Syiah yang membenarkan taqiyah (pendustaan) dalam kalangan pengikutnya, sedangkan dalam Islam, pembohongan merupakan kesalahan yang dipandang serius dan berdosa besar sepertimana yang ditegaskan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim:

"Pada suatu hari, Rasulullah SAW sedang duduk dalam majlis bersama para Sahabatnya dan memberikan pelajaran kepada mereka. Baginda SAW kemudian mengatakan: 'Perhatikanlah (wahai para Sahabat), mahukah aku tunjukkan kepada kalian dosa-dosa yang paling besar?' Baginda SAW mengatakannya tiga kali. Kemudian para Sahabat mengatakan: 'Tentu wahai Rasulullah SAW.' Rasulullah SAW pun menerangkan: '(Dosa-dosa yang paling besar itu adalah) syirik kepada Allah, derhaka kepada kedua orang tua dan penyaksian palsu (perkataan dusta).'"

Para imam menurut ajaran Syiah adalah orang-orang yang maksum dan pemimpin yang dipilih oleh Allah SWT serta harus

ditaati semua perintahnya baik kecil mahupun besar. *Taqiyah* bagi mereka adalah kebajikan, kerana itu sukar difahami apakah maksud sebenarnya daripada ucapan dan perbuatan mereka. Apakah ucapan dan perbuatan yang dilakukan mereka itu *taqiyah* atau bukan? Siapa yang boleh memastikan bahawa ucapan imam ini *taqiyah* dan ucapan itu bukan? Kita juga tidak tahu, mungkin ucapan dan riwayat-riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab mereka itu adalah juga *taqiyah*.

Oleh sebab semua ucapan dan perbuatan mereka itu memungkinkan adanya *taqiyah*, justeru seharusnya juga semua perintah imam-imam mereka itu tidak dilaksanakan kerana masih ada yang diragui.

Soalan 37:

Apakah pegangan ajaran Syiah terhadap perkahwinan @ pernikahan mutaah yang sememangnya diharamkan dalam Islam?

Jawapan:

Fathullah Al-Kasyani menyebutkan dalam tafsirnya, diriwayatkan daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda bersabda:

“Siapa yang telah melakukan mutaah satu kali, maka darjatnya sama dengan darjat Husain AS, siapa yang melakukan mutaah dua kali, maka darjatnya sama dengan darjat Hasan AS, siapa yang melakukan mutaah tiga kali, maka darjatnya sama dengan darjat Ali AS dan siapa yang melakukan mutaah empat kali, maka darjatnya sama dengan darjatku.” (Tafsir Manhaj As-Sadiqin; hal: 365, karangan Mullah Fathullah Al-Kasyani).

Al-Kasyani juga menyebutkan: Diriwayatkan dari Nabi SAW bahawasanya Baginda bersabda:

“Siapa yang meninggal dunia dan belum pernah melakukan mutaah, maka dia akan dibangkitkan pada hari kiamat dalam keadaan kudung.” (Tafsir Manhaj As-Sadiqin; hal: 365, karangan Mullah Fathullah Al-Kasyani).

Selain riwayat tersebut, masih banyak riwayat yang menyebutkan tentang keutamaan mutaah dalam kitab-kitab Syiah yang muktabar terutamanya dalam bahasa Urdu yang ditulis oleh Al-Majlisi, antara lain:

1. *“Amirul Mukminin Ali Bin Abi Thalib pernah berkata: Siapa yang merasa keberatan tentang mutaah dan tidak mahu menerimanya, maka dia bukan termasuk golonganku, dan aku berlepas diri daripadanya.” (Risalah mutaah, Ajalah Hassanah, oleh Al-Allamah Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi; hal: 15).*
2. Sayid Al-Alim SAW berkata: *“Siapa yang pernah melakukan mutaah dengan wanita mukmin, maka pahalanya seperti orang yang menziarahi Kaabah tujuh puluh kali.” (Risalah mutaah, Ajalah Hassanah, oleh Al-Allamah Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi; hal: 16).*

Soalan 38:

Bagaimanakah pandangan Khomeini berkaitan mutaah?

Jawapan:

Khomeini telah mengkhususkan di dalam kitab-kitabnya perbincangan mengenai pernikahan ini, lalu menyebutkan bahawa ia adalah harus. Begitulah keharusannya pada zaman Nabi SAW, tetapi Umar RA telah mengharamkannya. Beliau mendakwa bahawa Sayidina Ali RA berusaha sepenuh tenaga untuk mengharuskannya pada awal kekhalifahannya, tetapi tidak berhasil kerana ramainya pengikut Umar.

Khomeini mengharuskan nikah mutaah ditentukan dalam tempoh yang singkat, sekalipun sehari atau semalam. Sebagaimana juga boleh ditentukan selama sejam atau dua jam. Beliau juga mengharuskan mutaah dengan wanita pelacur walaupun makruh. Jika dia melakukannya (mutaah) hendaklah dia menghalangnya daripada pelacuran.

Sebagaimana yang diketahui umum, nikah mutaah tidak memerlukan izin wali, saksi dan pengumuman (walimah). Wanita itu tidak ditanya sama ada dia mempunyai suami atau tidak. Boleh sahaja seseorang bermutaah dengannya dalam tempoh yang singkat, barangkali kurang dari sejam dan kemudian membayarnya upah mutaahnya itu. Sebenarnya pelacuran yang dibela oleh sesetengah negara dan disediakan rumah penginapan untuknya tidak berbeza sedikit pun daripada pernikahan kontrak yang diharamkan oleh Khomeini.

Hakikat yang pasti bahawa dalil-dalil pengharaman nikah mutaah buat selama-lamanya adalah mutawatir. Tersebut di dalam *Sahih Muslim* daripada Sabrah Bin Ma'bad Al-Juhani RA bahawa ia telah keluar berperang bersama Rasulullah SAW dalam pembukaan Makkah. Baginda bersabda: *"Wahai manusia, sesungguhnya aku pernah mengizinkan kamu bermutaah dengan wanita. Sesungguhnya Allah telah mengharamkan perbuatan itu sehingga hari kiamat. Sesiapa ada di sisinya wanita mutaah, maka bebaskanlah ia dan jangan kamu ambil sesuatu yang kamu berikan kepada mereka."*

Apa yang menghairankan ialah Khomeini memperkatakan tentang kerosakan yang berleluasa berlaku katanya, *"Sekiranya penzina lelaki dan wanita dipukul dengan cemeti, pastilah penyakit-penyakit kelamin tidak merebak"*. Kita tidak faham mengapa penzina dipukul dan menyeksa dirinya sedangkan dia boleh sahaja mengambil yang mudah daripada panduan fatwa-fatwa Khomeini yang menghalalkan mutaah dengan mana-mana wanita yang disukai untuk waktu seketika pada waktu malam atau siang dengan bayaran yang tertentu.

Soalan 39:**Apakah rukun mutaah dan hukumnya menurut ajaran Syiah?****Jawapan:**

Mullah Fathullah Al-Kasyani menyebutkan dalam tafsirnya, *"Manhaj As-Sadiqin"* dengan bahasa Farsi yang terjemahannya seperti berikut: *"Ketahuilah bahawa rukun mutaah itu ada lima; memelai lelaki, memelai wanita, mahar (mas kahwin), ketentuan waktu, 'sighah' ijab kabul. (Tafsir Manhaj As-Sadiqin; hal: 357 oleh Al-Kasyani).*

**Majlis Syiah**

Abu Ja'afar At-Thusi mengatakan bahawa Abu Abdillah AS pernah ditanya tentang mutaah, *"Apakah jumlah wanita yang boleh dimutaah itu terbatas pada empat orang wanita?"* Abu Abdillah menjawab: *"Tidak terbatas pada empat orang wanita dan tidak pula terbatas pada tujuh puluh orang wanita."* Dalam kesempatan lain Abu Abdillah juga pernah ditanya: *"Apakah sampai batas empat orang wanita yang boleh dimutaah?"* Ia menjawab: *"Kahwinilah ia dengan cara mutaah sampai seribu kali. Kerana ia hanyalah laksana sewa menyewa, tidak ada talak, tidak ada warisan, ia tidak lain ialah wanita yang disewa."* (At-Tahzib; Juz: 2, hal: 193, oleh Abu Muhammad Bin Hassan At-Thusi).

Soalan 40:**Bagaimanakah mahar mutaah mengikut ajaran Syiah?****Jawapan:**

At-Thusi mengatakan dalam kitabnya, *At-Tahzib* tentang mahar mutaah, bahawa mahar mutaah adalah apa yang disukai dan diterima oleh kedua belah pihak baik sedikit ataupun banyak. Kemudian ditanyakan kepada Abu Abdillah AS tentang mahar mutaah yang paling minimum, dijawab oleh Abu Abdillah AS: "*Segenggam gandum.*" (*At-Tahzib*; Juz: 2, hal: 188, oleh Abu Muhammad Bin Hassan At-Thusi).

Soalan 41:**Adakah dalam nikah mutaah perlu kepada saksi?****Jawapan:**

At-Thusi menyebutkan dalam kitabnya, *At-Tahzib* bahawa nikah mutaah itu tidak perlu saksi dan tidak perlu diberitahukan. (*At-Tahzib*; Juz: 2, hal: 188, oleh Abu Muhammad Bin Hassan At-Thusi).

Selanjutnya At-Thusi dalam kitabnya, *At-Tahzib*: "*Diriwayatkan daripada Abu Ja'afar AS, ia mengatakan bahawa dalam kahwin mutaah hanya diperlukan saksi kerana untuk menetapkan warisan.*" (*At-Tahzib*; Juz: 2, hal: 186, oleh Abu Muhammad Bin Hassan At-Thusi).

Abu Ja'afar At-Thusi juga menyebutkan dalam kitab *At-Tahzib*: "*Aku pernah menanyakan Abu Abdillah AS tentang seorang lelaki yang mengahwini seorang wanita (secara mutaah) dengan mahar sepotong kayu, lalu Abu Abdillah menjawab: Boleh, tidak mengapa hanya*

kalau sudah habis masa mutaahnya jangan bertemu lagi, dan hendaklah salah seorang memalingkan wajahnya dan jangan melihat kepada yang lainnya.” (At-Tahzib; Juz: 2, hal: 190, oleh Abu Muhammad Bin Hassan At-Thusi).

Kitab *At-Tahzib* turut menyebut bahawa boleh melakukan nikah mutaah dengan wanita Bani Hasyim. (*At-Tahzib*; Juz: 2, hal: 193, oleh Abu Muhammad Bin Hassan At-Thusi).

Begitulah kesesatan golongan Syiah yang mengagungkan perkahwinan mutaah sehingga menjatuhkan maruah wanita dalam Islam.



Wanita Syiah, Iran

Soalan 42:**Bolehkah membina kubah di atas kubur menurut ajaran Syiah?****Jawapan:**

Khomeini juga membenarkan pengikutnya membina kubah (bangunan) di atas kubur-kubur imam, kerana menurutnya, barang siapa yang membina kubah tersebut akan diberi pahala yang besar serta dihapuskan dosanya.

Bagi menguatkan pendapatnya, Khomeini menyebut pendapat Syeikh At-Thusi yang menyatakan bahawa (kononnya): *“Sayidina Ali bertanya Rasulullah SAW dan Baginda berkata kepadanya; ‘Sesungguhnya engkau (wahai Ali) akan berpindah ke Iraq dan akan dikebumikan di bumi Iraq.’ Kemudian Ali bertanya lagi; ‘Wahai Rasulullah SAW, apakah balasan pahala bagi orang datang menziarahi kubur-kubur kami dan mendirikan bangunan kubah di atasnya?’ Rasulullah SAW menjawab; ‘Wahai Abu Al-Hasan (Ali), sesungguhnya Allah menjadikan kubur engkau dan kubur anak-anak engkau sebagai kawasan syurga dan sebagai tanah lapang daripada tanah lapang syurga. Allah telah memilih beberapa orang daripada makhlukNya dan memasukkan rasa kasih sayang kepada kamu di dalam hati mereka, dan mereka sanggup menanggung bala bencana dan kehinaan kerana mempertahankan kamu.*

Mereka mengulangi membina kubur-kubur dan datang menziarahi kamu (di kubur) sebagai tanda ‘taqarrub’ mereka kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya sesiapa yang membina kubur-kubur kamu dan datang menziarahinya maka pahalanya sama seperti dia bersama pengikut Nabi Sulaiman Bin Daud membina Al-Quds. Sesungguhnya sesiapa yang datang menziarahi kubur-kubur kamu, dia akan memperoleh pahala sebanyak 70 kali haji selain haji Islam (haji wajib) dan dihapuskan dosanya serta jadilah dia (bersih daripada dosa) seperti kanak-kanak yang baru lahir daripada perut ibunya.’” (Lihat: Kasyf Al-Asrar (Arab); hal: 84).



Kubur Syiah

Lihatlah betapa beraninya Khomeini memetik riwayat palsu yang disebut oleh At-Thusi, sedangkan pendapat beliau itu berlawanan dengan hadis yang melarang umatnya membina kubah di atas kubur. Rasulullah SAW bersabda: *“Jabir RA berkata, Rasulullah SAW melarang menambak kubur, duduk di atasnya dan membuat binaan di atasnya.”*

Ramai ulama menegah mengenai membina kubah di atas kubur ini, Imam Syafie berkata: *“Sesungguhnya aku suka meninggikan kubur sekadar sejengkal (mengatasi tanah biasa) dan aku suka jangan dibina sebarang bangunan dan tembok.”*

Ibn Hajar Al-Haitami dalam kitab, Al-Zawajir berkata: *“Dan wajib disegerakan meruntuh masjid-masjid dan bangunan-bangunan kubah di atas kubur kerana bangunan itu lebih mudarat atau lebih bahaya daripada ‘Masjid Dhirar’ kerana ia diasaskan atas maksiat kepada Rasulullah SAW.”*

Imam Al-Syaukani pula menyebut: *“Banyak telah berlaku kerosakan disebabkan pembinaan kubah di atas kubur dan memperelokkannya, antara kerosakan itu ialah orang-orang jahil beriktikad mengenai binaan itu sama seperti iktikad orang kafir terhadap berhala mereka, sehingga mereka memuja dan memuliakan (bangunan dan kubur tersebut), kerana menganggap perkara berkuasa memberi sesuatu manfaat kepadanya dan dapat mengelak sesuatu bala.”* (Lihat: Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh Al-Sunnah*; Juzuk 1, hal: 554, 548-550).

Selain itu, Nabi SAW sendiri tidak ada menyebut ganjaran pahala yang begitu besar akan diberikan kepada orang yang membina bangunan di atas kubur-kubur imam dan yang datang menziarahinya. Baginda SAW hanya menyebut bahawa menziarahi kubur adalah sunat kerana ia boleh mendorong seseorang untuk mengingati mati dan hari akhirat.


Soalan 43:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap Al-Qur’an?

Jawapan:

ASWJ:

Mereka bersepakat atas kebenarannya dan ia terpelihara daripada sebarang tokok tambah dan pengurangan. Mereka beriman dengan setiap hurufnya. Mereka beriman sesungguhnya Al-Qur’an itu adalah kalam Allah SWT, bukan baharu dan bukan makhluk. Ia terpelihara daripada segala keburukan dan menjadi sumber utama kepada setiap kepercayaan umat Islam dalam semua urusan hidup mereka.



Syiah:

Mereka meragui kebenarannya (iaitu Al-Qur'an yang ada telah ditambah dan dikurangkan). Sebahagian daripada mereka menafikan tuduhan ini (seumpama Al-Khoie tetapi penafian tersebut adalah dengan sebab iktikad mereka yang mengamalkan *taqiyah*). Jika berlawanan dengan iktikad, mereka mentafsirkan dengan iktikad mereka. Pendapat imam-imam mereka adalah antara sumber utama di sisi mereka.

Soalan 44:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap Al-Hadis?

Jawapan:

ASWJ:

Al-Hadis adalah sumber kedua kepada syariat Islam dan ia berperanan untuk mentafsirkan Al-Qur'an. Perlanggaran terhadap hukum-hakam yang terdapat di dalam Al-Hadis yang sahih riwayatnya dari Rasulullah SAW adalah dilarang. Kesahihan Al-Hadis ditentukan melalui kaedah-kaedah yang disepakati oleh ulama-ulama hadis. Caranya ialah dengan mengkaji kebenaran riwayat sanad hadis tanpa membezakan antara perawi lelaki dan perempuan. Setiap perawi hadis diketahui sejarah hidupnya. Semuanya ini dihasilkan dengan satu usaha yang paling besar pernah didapati dalam sejarah kajian ilmu. Hadis yang diriwayatkan oleh seorang pendusta atau seorang yang tidak dikenali tidak diterima. Justeru, riwayat hadis adalah amanah yang berat lagi mulia serta mengatasi segala-gala yang lain.

Syiah:

Tidak berpegang melainkan dengan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh kaum keluarga Rasulullah SAW dan sebahagian hadis yang diriwayatkan oleh penyokong-penyokong Ali dalam medan politik. Mereka menolak hadis-hadis selain daripada ini terutamanya kebanyakan hadis yang diriwayatkan oleh ASWJ. Mereka tidak mementingkan riwayat (sanad) yang sahih iaitu tanpa ilmu hadis yang kukuh. Banyak sekali didapati golongan ini mereka-reka, misalnya berkata: *"Diriwayatkan dari Muhammad Bin Ismail daripada beberapa orang sahabat kami daripada seorang lelaki daripada Rasulullah SAW bersabda: 'Kitab-kitab mereka penuh dengan puluhan ribu hadis yang tidak mungkin diyakini kesahihannya.'"* Beginilah cara mereka membina agama mereka. Beginilah mereka mengingkari lebih daripada tiga per empat sunnah Nabi SAW. Ini merupakan jurang perbezaan yang terpenting antara mereka dan golongan Muslimin lain.

Soalan 45:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap Sahabat Nabi SAW?

Jawapan:**ASWJ:**

Bersepakat atas kewajipan menghormati dan merestui mereka. Sesungguhnya kesemua mereka adalah benar dan lurus. ASWJ menganggap bahawa pertelingkahan yang terjadi antara mereka adalah berpunca daripada perselisihan pendapat hasil daripada ijtihad masing-masing yang dikeluarkan dengan ikhlas dan jujur. Segala keadaan yang mempengaruhi mereka berbuat demikian telahpun berlalu. Umat Islam tidak dibenarkan menaruh dendam sepanjang zaman terhadap mereka. Sesungguhnya mereka

golongan yang dipuji Allah berkali-kali. Oleh itu, tidak dibenarkan sesiapa pun mencela mereka selepas daripada itu. Sesungguhnya agama Islam sampai kepada kita melalui usaha dan sokongan mereka terhadap perjuangan Rasulullah SAW.

Syiah:

Berpendapat bahawa para Sahabat sesungguhnya telah kafir selepas kewafatan Rasulullah SAW kecuali sebilangan kecil yang jumlahnya tidak melebihi bilangan jari-jari tangan. Mereka meletakkan Sayidina Ali RA di tempat yang terlalu tinggi. Sebahagian mereka berpendapat bahawa beliau adalah yang telah diwasiatkan sebagai pengganti Rasulullah SAW. Sebahagian lain pula menganggapnya sebagai nabi dan ada yang menganggapnya sebagai Tuhan. Mereka menghukum orang-orang Muslim (menurut pendapat mereka masing-masing), sesiapa yang memilih khalifah sebelum Ali, maka ia zalim atau kafir dan barang siapa yang menentang pendapat Ali, maka ia zalim atau kafir atau fasik; begitulah juga halnya dengan sesiapa yang menentang anak cucunya turun temurun.

Soalan 46:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang tauhid?

Jawapan:

ASWJ:

Mereka beriman bahawa sesungguhnya Allah Yang Maha Esa, Yang Maha Berkuasa. Tiada sekutu bagiNya dan tiada tolok bandingNya serta tiada perantaraan antaraNya dengan hamba-hambaNya. Mereka beriman dengan ayat-ayat yang mengandungi sifat-sifat Allah SWT sebagaimana ia diturunkan oleh Allah

SWT tanpa menyerupai sesuatu (tiada ada sesuatu pun yang menyerupaiNya). Sesungguhnya Allah telah mengutuskan nabi-nabiNya dan memikulkan mereka dengan tanggungjawab menyampaikan perutusan (risalah) kepada hamba-hambaNya. Mereka telah menyampaikan kesemuanya tanpa menyembunyikan apa jua pun. Mereka beriman bahawa perkara ghaib hanyalah di tangan Allah SWT sahaja. Sesungguhnya segala dosa, nazar, sembelihan dan permohonan (sesuatu hajat) wajib ditujukan kepada Allah SWT semata-mata dan tidak sama sekali kepada yang lain daripadaNya.

Syiah:

Mereka beriman dengan Allah dan keesaanNya, tetapi mereka telah mencampuradukkannya dengan amalan-amalan syirik. Mereka beribadat kepada selain daripada Allah SWT dengan berkata, "*Wahai Ali, Wahai Husain, Wahai Zainab*", serta bernazar dan menyembelih kerana selain daripada Allah SWT. Mereka meminta hajat daripada orang-orang yang telah mati. Mereka mencipta doa-doa dan bacaan-bacaan yang menguatkan amalan syirik ini. Mereka percaya bahawa imam-imam mereka adalah maksum dan imam-imam itu mengetahui perkara-perkara ghaib serta mempunyai kuasa dalam mentadbirkan alam ini. Mereka menganggap bahawa ada suatu kuasa khas yang dimiliki oleh wali-wali, imam-imam dan kaum kerabat Rasulullah SAW. Segala kepercayaan dan amalan tersebut tiada kena mengena dengan agama Islam yang suci.

Soalan 47:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang “Melihat Allah di akhirat kelak”?

Jawapan:

ASWJ:

Orang-orang yang beriman dapat melihat Allah SWT pada hari kiamat sepertimana firman Allah SWT:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاصِرَةٌ ۖ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

“Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri, melihat kepada Tuhan mereka.”

(Surah Al-Qiyamah; 75 : 23)

Syiah:

Mereka berpendapat bahawa melihat Allah SWT adalah tidak mungkin sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Soalan 48:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang perkara-perkara ghaib?

Jawapan:**ASWJ:**

Allah SWT mengkhususkan pengetahuan perkara-perkara ghaib untuk diriNya sahaja dan sesungguhnya Dia mengkhabarkan kepada para nabi dan rasulNya termasuklah Nabi Muhammad SAW beberapa perkara ghaib untuk sesuatu keperluan tertentu sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ


Maksudnya:

“Mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu Allah melainkan apa yang Allah SWT kehendaki.”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 255)

Syiah:

Mereka mendakwa bahawa pengetahuan tentang perkara-perkara ghaib adalah hak imam-imam mereka sahaja (dan bukan hak Rasulullah SAW memberi khabar tentang perkara ghaib). Dengan sebab ini, terdapat segelintir golongan Syiah yang menganggap bahawa imam-imam mereka adalah Tuhan.

**Soalan 49:**

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah terhadap kerabat Rasulullah SAW?

Jawapan:

ASWJ:

Golongan ASWJ mengatakan bahawa ahli Rasulullah SAW ialah para pengikutnya dalam agama Islam (ini adalah pendapat mereka yang lebih sahih). Ada yang mengatakan bahawa mereka adalah orang-orang yang paling bertakwa di antara umatnya. Sebahagian yang lain pula mengatakan mereka adalah sanak-saudaranya yang beriman dari Bani Hasyim dan Bani Abdul Mutalib.

Syiah:

Golongan Syiah mengatakan bahawa ahli Rasulullah SAW adalah menantunya, Sayidina Ali RA dan sebahagian daripada anak-anak Sayidina Ali sahaja, kemudian cucu-cicit mereka itu.

Soalan 50:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang syariat dan hakikat?

Jawapan:

ASWJ:

Golongan ASWJ berpendapat bahawa syariat ialah hakikat. Sesungguhnya Rasulullah SAW tidak menyembunyikan apa jua ilmu yang diketahuinya daripada umatnya. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman yang maksudnya: *“Pada hari ini telah Ku sempurnakan bagi kamu agama kamu.”* Sumber-sumber agama

Islam adalah Al-Qur'an dan As-Sunnah yang tidak memerlukan perkara selain daripada itu untuk menyempurnakannya. Cara-cara beramal, beribadat dan berhubungan dengan Allah adalah jelas dan terang tanpa sebarang perantaraan. Sesungguhnya Allah sahaja yang mengetahui hakikat hamba-hambaNya. Umat Islam tidak memuja sesiapa pun melebihi pujian terhadap Allah. Setiap orang boleh diterima atau ditolak pendapatnya kecuali Nabi SAW yang bersifat maksum.

Syiah:

Golongan Syiah berpendapat bahawa syariat adalah hukum-hakam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan hukum-hakam ini hanya melingkungi orang awam dan orang-orang yang tiada berpengetahuan agama. Adapun hakikat atau ilmu yang khas berkenaan Allah SWT tidak diketahui kecuali imam-imam secara warisan daripada turun temurun dan ia terus menjadi rahsia di sisi mereka. Segala yang mereka lakukan dibenarkan. Sesungguhnya perhubungan dengan Allah tidaklah sempurna melainkan dengan perantaraan iaitu melalui imam-imam mereka. Lantaran itu, mereka telah melibatkan diri dengan menamakan diri mereka dengan nama-nama yang melampau seperti *babullah*, *almaksum*, *hujjatullah*, *ayatullah*, *ruhullah* dan lain-lain lagi.

Soalan 51:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang fiqh?

Jawapan:

ASWJ:

Mereka berpandukan pada hukum-hakam yang terdapat di dalam Al-Qur'an Al-Karim dengan penuh teliti. Ini dijelaskan

pula dengan kata-kata dan perbuatan Rasulullah SAW menurut yang terdapat dalam sunnahnya dan kata-kata para Sahabat dan tabiin yang dipercayai. Atas kata-kata mereka inilah terletak penjelasan hukum hakam tersebut kerana mereka hidup dalam zaman yang paling hampir dengan Rasulullah SAW. Mereka adalah golongan yang membenarkan Rasulullah SAW ketika menghadapi ujian-ujian yang berat. Tiada siapa pun yang berhak untuk mensyariatkan sesuatu hukum yang baharu dalam agama ini setelah Allah SWT menyempurnakannya. Namun, untuk memahami secara lebih mendalam dan hukum perkara-perkara yang baharu timbul serta hikmat-hikmat hukum tersebut, wajiblah merujuk kepada alim ulama Islam yang dipercayai untuk mendapatkan fatwa dengan bersandarkan pada Al-Qur'an dan As-Sunnah semata-mata dan tidak kepada yang lain.

Syiah:

Golongan Syiah berpegang pada sumber-sumber mereka yang khas serta dikaitkan dengan imam-imam mereka yang dianggap mujaddid dalam agama (pada setiap generasi) dan kepada apa yang ditafsirkan oleh imam-imam tersebut daripada ayat-ayat Al-Qur'an. Mereka berpendapat bahawa para imam yang mujtahid (dibolehkan membuat ijtihad dan bersifat maksum) mempunyai hak dalam memperbaharui hukum-hakam seperti yang sebenarnya telah terjadi dalam perkara-perkara berikut:

1. Azan, waktu-waktu dan kaifiat bersembahyang.
2. Waktu-waktu berpuasa dan berbuka.
3. Amalan-amalan haji ziarah.
4. Pembahagian harta pusaka.
5. Nikah dan hubungan suami isteri.

Soalan 52:


Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang kesetiaan (*al-wala'*)?

Jawapan:**ASWJ:**

Kesetiaan atau *al-wala'* bermaksud mengikut perintah dengan ketaatan yang tidak berbelah bahagi. Kesetiaan begini tidaklah diberikan kecuali kepada Rasulullah SAW kerana Allah SWT telah berfirman yang bermaksud, "*Barang siapa yang mentaati Allah dan Rasul, maka ia telah taat kepada Allah*". Adapun selain daripada Nabi SAW, tidaklah berhak untuk diberikan kesetiaan kecuali menurut batasan-batasan yang telah ditentukan oleh hukum syarak. Ini adalah kerana manusia tidak boleh tunduk kepada makhluk jika perbuatan itu melibatkan maksiat terhadap Allah.

Syiah:

Mereka berpendapat bahawa kesetiaan yang tidak berbelah bagi adalah salah satu daripada rukun iman. Wajib bagi mereka beriman kepada imam-imam mereka yang dua belas (termasuk "penghuni *Sirdab*" iaitu imam mereka yang kedua belas yang telah ghaib dan dipercayai akan muncul sebagai Imam Mahdi). Maka sesiapa yang tidak berimamkan *Ahlul Bait*, ia dianggap tidak beriman. Oleh itu, tidak boleh bersembahyang di belakang mereka sebagai imam dan mereka tidak berhak diberi zakat yang wajib dikeluarkan, tetapi boleh diberikan sedekah-sedekah yang biasa dikeluarkan kepada orang-orang kafir.



Soalan 53:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang *at-taqiyah*?

Jawapan:

ASWJ:

At-taqiyah adalah melakukan sesuatu yang berlawanan dengan kebenaran hati demi untuk menyelamatkan dirinya daripada kebinasaan. Seseorang Muslim dilarang memutar belit saudara-saudara Muslim yang lain dengan kata-kata ataupun perbuatan berpura-pura kerana Nabi SAW telah bersabda, “Sesiapa yang menipu, maka dia bukanlah daripada golongan kami.” Bertaqiyah dilarang kepada golongan kafir yang memusuhi agama dan dalam peperangan, kerana peperangan adalah tipu helah. Umat Islam wajib berkata benar dan berani menegakkan hak tanpa berbelah bahagi, berbohong dan membelot, bahkan hendaklah menasihati dan mengajak kepada kebaikan dan melarang kemungkaran.

Syiah:

Mereka berpendapat bahawa *at-aqiyah* itu adalah wajib dan mazhab mereka didasarkan atas *taqiyah*. Mereka memasukkan prinsip *at-aqiyah* itu secara rahsia dan terang-terangan serta mengamalkannya terutama apabila mereka menghadapi kesukaran. Maka, ketika itu mereka akan memuji-muji dan mengangkat-angkat secara berlebihan individu-individu yang pada pandangan mereka kafir dan patut dibunuh serta dibinasakan. Mereka melaksanakan hukum-hakam yang dilaksanakan ke atas orang kafir dan sesiapa sahaja yang bukan daripada golongan mereka. Mereka mengamalkan prinsip, “matlamat menghalalkan cara”. Dengan ciptaan ini, mereka bebas menghalalkan segala cara tipu daya pemboghongan dan putar belit.

Soalan 54:

Apakah perbezaan perspektif antara ASWJ dan Syiah tentang kepemimpinan dan ketua negara?

Jawapan:**ASWJ:**

Golongan ASWJ berpendapat bahawa sesebuah negara Islam itu diperintah oleh seorang khalifah yang dipilih antara orang-orang Islam. Dalam konteks ini, disyaratkan agar khalifah mempunyai kebolehan yang mencukupi seperti berakal, berilmu, bersifat *'adalah'* (adil), diketahui ramai bahawa individu berkenaan seorang yang amanah dan memiliki kebolehan untuk memikul tanggungjawab ini. Individu tersebut dipilih oleh orang-orang yang mempunyai kuasa memilih dalam masyarakat Islam dan mereka berhak melucutkan kepemimpinannya jika didapati ia tidak berlaku adil atau melanggar hukum-hakam Al-Qur'an dan As-Sunnah. Semua umat Islam wajib taat kepadanya. Kuasa memerintah hendaklah dianggap sebagai tanggungjawab dan perkara yang dipersoalkan oleh Allah SWT dan bukannya satu kebanggaan atau manfaat keuntungan.

Syiah:

Kuasa pemerintahan ialah warisan turun temurun untuk Ali dan anak-anak Fatimah RA. Terdapat perselisihan yang banyak di antara mereka berkenaan warisan ini. Berdasarkan pendapat mereka tersebut, mereka sama sekali tidak melantik pemerintah yang bukan daripada keturunan Sayidina Ali RA. Pendekatan dan harapan mereka tersebut tidak dapat dipraktikkan atau dilaksanakan apabila keturunan Sayidina Ali RA ini terputus dengan sebab kematian Muhammad Al-Mahdi, imam mereka yang kedua belas yang wafat semasa kecil lagi iaitu semasa berumur lapan bulan atau dua tahun atau lima tahun. Mereka

telah mencipta satu pendapat baharu iaitu, teori "*ar-rajah*" atau "kembali semula". Teori ini membawa maksud imam mereka yang terakhir yang digelar sebagai "*Al-Qayyim*", yang meninggal dunia semasa kanak-kanak dan akan kembali pada akhir zaman. Beliau akan keluar dari Gua As-Sirdab lalu menyembelih kesemua musuh politiknya. Menurut mereka lagi, imam ini akan mengembalikan hak-hak golongan Syiah yang telah dirampas daripada mereka oleh golongan-golongan lain sepanjang kurun-kurun yang lalu.

Demikianlah secara ringkas perbezaan iktikad antara ASWJ dan Syiah. Sudut perbezaan ini amat penting untuk diketahui serta difahami dengan sebaik-baiknya dalam membuat penilaian atau hukuman terhadap golongan Syiah. Sebenarnya, masih banyak lagi perbezaan dalam kepercayaan Syiah yang tidak terdapat dalam pegangan ASWJ seperti *raj'ah*, bidaah, mutaah dan lain-lain.

Soalan 55:

Adakah Syiah itu Islam?


Jawapan:

Bagi menjawab persoalan seumpama ini adalah sangat sulit sekali kerana ia adalah hidayah dan taufik daripada Allah dan jika sebaliknya, kita berharap ia tidak terluput daripada ganjaran ijtihad.



Kesesatan Syiah

Syiah terbahagi ada dua bahagian; (i) Syiah dalam sejarah dan, (ii) Syiah masa kini. Syiah dalam sejarah merupakan kelompok-kelompok terdahulu yang telah kita sebutkan dalam fasal bahagian dan kelompok-kelompok Syiah yang tidak syak lagi kebanyakannya adalah melampau dan kita tidak dapat menghukumkan dengan keIslaman mereka lebih daripada



kelompok-kelompok ini.

As-Sabaiyyah yang telah dibakar oleh Sayidina Ali RA kerana mereka menganggapnya Tuhan dan membuang pemimpin mereka ke Sabat di Madain. Al-Bayaniah yang dikaitkan dengan Bayan Bin Sam'an Tamimi dan mereka yang mengatakan kenabian Ali RA yang kononnya telah membatalkan syariat Muhammad SAW. Antara mereka yang mendakwa ketuhanan dan kesatuan zat Allah dalam tubuh Ali adalah Al-Mughiriah, Al-Harbiah dan Al-Mansuriah dari Janahiah dan Khitabiah, kesemua mereka terkeluar daripada lingkungan Islam.

Begitu juga dengan kelompok-kelompok Syiah yang lain seperti Al-Ghurabiah, Al-Mufawidhah, Az-Zimmiah, As-Syari'iah, An-Namiriah dan selain daripada mereka. Kita tidak menghukum keIslaman mereka sekalipun mereka dikaitkan dengan Islam. Kelompok-kelompok ini keseluruhannya telah pupus. Kelompok-kelompok ini tidak wujud di muka bumi ini dan sepanjang pengetahuan kita, orang yang menganut Islam secara terang-terangan mengucapkan ungkapan ini. Kelompok-kelompok ini semuanya dalam hukuman sejarah. Mereka ini telah menyebabkan kesesatan dan akan diperhitungkan oleh Allah SWT dengan balasan yang setimpal. Mereka ini dinamakan dengan "Syiah sejarah".

Syiah masa kini pula, terdiri daripada saki-baki daripada kelompok yang disebutkan sebelum ini dan masih kekal sehingga ke hari ini. Ia merupakan kelompok besar, yang terkenal iaitu Zaidiyah dan Imamiah. Kebanyakan ahli-ahli sejarah menganggap mereka ini terutamanya Zaidiyah adalah dalam kalangan orang Islam. Mereka lebih hampir pada kepercayaan-kepercayaan ASWJ serta fiqh mereka.

Perselisihan di antara Zaidiyah dan ASWJ hanya dalam masalah-masalah kecil. Demikianlah juga kelompok Imamiah Itsna 'Asyariah dan Ismailiah, usul-usul mereka adalah satu, sekalipun


berbeza furuk antara satu kelompok dengan kelompok yang lain.

Apa yang lebih kita cenderung dalam perkara ini bahawa kelompok-kelompok ini Muslim secara amnya. Ini adalah sikap ahli-ahli hadis yang meriwayatkan hadis daripada orang-orang Syiah dalam kitab-kitab mereka. Mereka telah mensyaratkan bahawa perawi hendaklah bersifat adil. Antara syarat-syarat terpenting keadilan Islam. Sekiranya ahli hadis menghukum kekafiran mereka, pastilah mereka tidak meriwayatkan sedikit pur



Kesesatan Syiah

Namun, hukuman tersebut tidak semestinya bermakna setiap individu mereka Islam, bahkan mereka adalah Islam secara umumnya kecuali sesiapa yang telah *thabit* mengucapkan seumpama ucapan-ucapan pelampau yang bertuhankan Ali atau menyifatkan imam-imam mereka dengan sifat Allah atau mengatakan penyelewengan Al-Qur'an atau pembatalan syariat atau *hulul* dan lain-lain lagi. Golongan seumpama ini dihukumkan kafir atau terkeluar daripada lingkungan Islam tanpa mengira



siapa yang mengucapkannya. Kita tidak mencipta hukum ini daripada fikiran kita, malah inilah yang diperkatakan oleh kebanyakan ahli-ahli sejarah firqah ketika mereka membahagikan antara golongan pelampau dan selain daripada mereka. Seandainya hukum itu disatukan untuk semua kelompok, tentulah pembahagian ini tidak diperlukan.

Imam Abdul Qahir Bin Tahir Baghdad berkata, *“Semua kelompok pelampau itu terkeluar dari kelompok Islam, manakala kelompok Zaidiah dan Imamah masih dikira dalam kelompok umat Islam.*

Pun begitu, kebanyakan pendapat ulama Syiah merupakan sesuatu yang tidak mungkin seorang Muslim ASWJ berakal menerimanya. Puncanya kerana ulama-ulama mereka tidak warak dalam mencipta hadis-hadis yang menyokong pendapat-pendapat mereka atau mengada-adakan peristiwa-peristiwa sejarah Islam serta menukar situasi-situasinya mengikut selera nafsu mereka.

Soalan 56:

Adakah pengikut Syiah di Malaysia mengamalkan ajaran mereka secara tersembunyi?

Jawapan:


Jika dilihat pada laporan-laporan akhbar terbukti bahawa pengikut Syiah telah mula berani menonjolkan diri secara terang-terangan walaupun telah difatwakan sebagai ajaran yang menyalahi akidah ASWJ.



Pengikut Syiah Di Kedah

Melalui laporan *Utusan Malaysia*, Pertubuhan Gabungan Institusi Pondok, Tahfiz dan Ilmuwan Sunni (GIPTIS) menyifatkan pengikut Syiah semakin berani mencabar kerajaan apabila membuat laporan polis serta mengancam untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pengerusinya, Prof. Madya Dr. Abdul Aziz Hanafi berkata, tindakan pengikut Syiah itu juga sebenarnya satu gerakan terancang untuk menonjolkan kewujudan mereka dalam kalangan masyarakat negara ini.

“Dahulu, pengikut Syiah bergerak secara diam-diam, namun sekarang mereka semakin berani dan bergerak secara terang-terangan. Mereka sengaja ingin membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka ada di negara ini dan hari ini buat laporan polis serta merancang untuk menyaman JAKIM pula. Mereka ini sebenarnya pandai dan ada penaung



di belakang mereka.”

Soalan 57:

Adakah benar pengikut Syiah menjangkau ratusan ribu orang di Malaysia sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pihak?

Jawapan:

Sehingga Disember 2013, melalui laporan, JAKIM telah mengenal pasti kira-kira 1,500 orang pengamal fahaman Syiah di seluruh negara dengan yang paling aktif ialah di Selangor, Perak dan Johor. Angka sebenar tidak dapat dipastikan disebabkan pengikut fahaman Syiah ini sukar dikesan kerana mereka suka *bertaqiyah* atau berpura-pura sehingga tidak dapat dikesan amalan mereka ini. Mereka juga tidak ada pertubuhan berdaftar.

Soalan 58:

Adakah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di seluruh Malaysia menggerakkan usaha-usaha membanteras kegiatan Syiah?

Jawapan:

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha berkata, merujuk kembali pada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 2 dan 3 Mei 1996, jawatankuasa berkenaan bersetuju bahawa memperakukan ajaran Islam selain daripada ASWJ adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran selain daripada ASWJ adalah dilarang.

Pada 24 Julai 2013, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah pun mengisytiharkan Pertubuhan Syiah Malaysia sebagai sebuah pertubuhan haram yang menyalahi undang-undang.

Ia bukan sebagai ajaran sesat sahaja daripada aspek agama iaitu sekiranya melanggar fatwa akan dikenakan tindakan mengikut Akta/Enakmen Jenayah Syariah Negeri, malah aspek keselamatan negara pun turut diambil kira pihak oleh KDN yang mana pertubuhan Syiah ini tidak boleh bergerak aktif dalam negara ini kerana salah dari sudut undang-undang. Di samping itu, kebanyakan negeri di Malaysia turut mengambil tindakan dan pemantauan terhadap program dan aktiviti Syiah.



Serbuan JAIS Ke Sebuah Markas Syiah

Di Wilayah Persekutuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menyatakan sebanyak 139 kes melibatkan fahaman Syiah sedang dalam pemerhatian. Menurutnya, kerajaan sentiasa serius dan peka terhadap penyebaran fahaman ini yang menyeleweng daripada akidah dan akhlak yang telah difatwakan. Beliau berkata, JAKIM turut membuat pemeriksaan terhadap 120 kes yang melibatkan fahaman tersebut.

Di Selangor, serbuan Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), ke atas markas Syiah di Seri Gombak pada September 2013 menemui jalan buntu apabila tiada seorang pun ahli Syiah yang berjaya ditahan oleh penguatkuasa. Di dalam markas berkenaan tulisan memuji serta memuja Sayidina Ali tertera di dinding markas berkenaan. Turut ditemui adalah batu

Karbala serta kitab-kitab mengenai ajaran Syiah. Semua kitab tersebut disita oleh JAIS namun premis berkenaan hanya akan disita oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Di Perak, pada bulan Mac 2014, seramai 114 orang pengikut fahaman Syiah ditahan ketika sedang meraikan sambutan ulang tahun kelahiran ahli keluarga Rasulullah SAW, Zainab Al-Kubra yang dianggap sebagai salah seorang *Ahlul Bait*. Dalam serbuan tersebut ditemui beberapa buah buku fahaman Syiah, batu turbah yang digunakan ketika mereka menunaikan solat serta beberapa keping gambar pemimpin fahaman tersebut.

Di Johor, pada November 2013, Jabatan Agama Islam Johor telah menahan 10 orang pengikut Syiah di Ulu Tiram, Johor.

Di Sabah, Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sabah, Datuk Mohd Ariffin Arif mengesahkan bahawa terdapat individu di Sabah dipercayai mempunyai kaitan dengan ajaran Syiah. Bagaimanapun risikan yang dijalankan ke atas individu terbabit masih pada peringkat awal. Kerajaan negeri sentiasa menjalankan pemantauan, bukan sahaja terhadap ajaran-ajaran salah yang telah difatwakan haram, malahan terhadap ajaran-ajaran yang diragui kesahihannya.

Di Perlis, Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Perlis, Khairi Hasan menegaskan bahawa kegiatan Syiah dipantau secara serius walaupun kegiatan mereka di negeri ini belum ketara. Langkah itu perlu bukan sahaja bagi memastikan kegiatan mereka tidak menggugat umat Islam malah bertujuan menghapuskan kegiatan itu. menurut beliau, *“Kumpulan sasaran yang akan dipantau termasuklah pelajar antarabangsa yang berada di Perlis. Setakat ini hanya lima orang sahaja di Perlis yang ketara terbabit dalam kegiatan Syiah termasuk penjawat awam yang kini berada dalam pemerhatian Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) dan Jabatan Mufti Perlis.”*

Soalan 59:

Apakah kesannya terhadap umat Islam di negara ini jika Syiah berkuasa di Malaysia?


Jawapan:

Kita sebagai umat Islam yang berpegang pada akidah ASWJ, sepatutnya memandang serius terhadap penularan virus Syiah yang semakin hari semakin licik dengan pelbagai penipuan untuk merekrut pengikut-pengikutnya yang baharu. Jika penegasan dan pemantauan yang rapi tidak dilakukan terhadap puak Syiah ini, dibimbangi akan terjadinya seperti negara lain yang telah tercetus kacau bilau dan pertumpahan darah berpunca daripada perlakuan dan tindakan pengikut Syiah. Kejadian-kejadian yang terjadi di Syria, Lubnan, Iraq, Pakistan dan sebagainya yang mana kerap tercetus pertumpahan darah yang melibatkan umat Islam yang berpegang dengan akidah ASWJ dengan puak Syiah yang melampau sehatusnya dijadikan iktibar.

Penyebaran Syiah boleh diumpamakan sebagai barah di negara ini dan perlu dibanteras sebaik mungkin sebelum merebak dengan lebih teruk sehingga menjadi ancaman kepada perpaduan ummah dan keutuhan agama sekali gus memecahbelahkan perpaduan umat Islam di negara ini.



Keratan Akhbar Harian Metro



Soalan 60:

Adakah mudah untuk mendakwa pengikut Syiah di mahkamah?

Jawapan:

Bukannya mudah untuk mendakwa pengikut Syiah di mahkamah kerana dakwaan hanya boleh dilakukan menerusi pengakuan individu itu sendiri selain memerlukan saksi bagi menguatkan pendakwaan sedangkan sepertimana yang diketahui bahawa pengikut Syiah mengamalkan *taqiyah* (pendustaan, pembohongan). Jabatan agama perlu mempunyai bukti yang kukuh untuk melakukan pendakwaan terhadap pengikut fahaman Syiah. Di Selangor sahaja, Mahkamah Syariah menerima sejumlah 251 kes berkaitan fahaman Syiah bagi tempoh 2010 hingga 2013. Perkara ini mungkin tidak dihebahkan di media massa menyebabkan ramai yang tidak tahu mengenainya.

Soalan 61:

Apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memudahkan pendakwaan terhadap puak Syiah?

Jawapan:

Langkah-langkah yang perlu diambil bagi memudahkan pendakwaan terhadap puak Syiah adalah dengan menggubal dan mengemas kini semula undang-undang dengan lebih ketat dan berhati-hati bagi mengenakan dakwaan terhadap puak Syiah tanpa ada keraguan.

Soalan 62:

Mengapakah terdapat segelintir umat Islam yang boleh tertarik dengan aliran Syiah walaupun telah difatwakan sebagai ajaran yang terkeluar daripada pegangan ASWJ?

Jawapan:

Puak Syiah menganggap bahawa mereka juga adalah dalam kalangan ASWJ. Mereka juga menunaikan solat dan puasa, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan sebagainya. Namun, walaupun golongan ini menunaikan kewajipan-kewajipan tersebut, pada masa yang sama mereka telah menyelewengkan ajaran yang sebenarnya dengan menokok tambah dalam pelbagai hukum-hakam yang berkaitan dengan syariat Islamiah serta pegangan akidah.

Pengikut Syiah tertarik dengan ajarannya yang kononnya memudahkan. Faktor-faktor penarik termasuklah tawaran beberapa kemudahan seperti ketiadaan Solat Jumaat, tidak perlu menunaikan Solat Jumaat jika hari hujan, dibolehkan solat tiga waktu sahaja dan dibenarkan mengamalkan nikah mutaah, dibolehkan berkahwin dengan isteri orang dan menetapkan mahar secara remeh sehinggakan selipar turut dijadikan mahar. Ringkasnya, mereka mengambil mudah dalam soal beragama.

Dalam konteks ideologi, umat Islam negara ini mungkin memilih jalan mudah dalam agama dan tertarik dengan tawaran serta ganjaran yang ditawarkan oleh ajaran Syiah. Pengaruh ajaran mahupun fahaman kumpulan Imam Dua Belas tersebut menular ke negara ini menerusi bahan bacaan dan orang perseorangan sama ada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran. Di samping itu, terdapat segelintir pensyarah universiti tempatan memainkan peranan menyebarkan fahaman itu secara serius kepada golongan pelajar di institusi pengajian tinggi.

Soalan 63:

Adakah pengikut Syiah di Malaysia telah menonjolkan diri mereka yang sebelum ini mengasingkan diri daripada masyarakat dengan mengamalkan ajaran mereka secara rahsia?

Jawapan:

Pengikut Syiah di Malaysia sudah mula menunjukkan taring mereka secara terang-terangan. Mereka mula berani menampilkan diri tanpa segan silu dan merasa bersalah dengan mengaku dan berbangga menjadi pengikut Syiah. Berdasarkan tinjauan, terpampang di dada-dada akhbar serta media elektronik dan sosial seperti *Facebook*, *Youtube* dan sebagainya mengenai kegiatan mereka di samping mengetuai aliran Syiah di negeri masing-masing sepertimana laporan akhbar-akhbar berikut:



Pengikut Syiah Di Malaysia

1. Akhbar *Sinar* (17 September 2013):

Ketua Syiah Kedah, Abdullah Hassan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Mufti Kedah, Datuk Syeikh Muhamad Baderudin Ahmad kerana didakwa mengeluarkan kenyataan mengelirukan berhubung Syiah pada 13 September 2013.



Pengikut Syiah

2. Akhbar *Utusan Malaysia* (27 Disember 2013):

Ketua Syiah Kedah, Abdullah Hassan mendakwa, teks khutbah Jumaat pada 29 November 2013 itu telah dibaca di masjid-masjid di seluruh negara dan terlalu banyak pembbohongan serta fitnah terhadap golongan Syiah terkandung di dalam teks tersebut. Menurutnya, isi kandungan teks khutbah Jumaat itu juga seolah-olah cuba membangkitkan kemarahan pengikut ASWJ terhadap pengikut Syiah.

3. Akhbar *Sinar* (Julai 2013):

Ketua Syiah Kedah, Abdullah Hassan berkata, semua pengikut fahaman itu dari Jitra, Pendang, Sungai Petani, Alor Setar dan kawasan berhampiran. Menurutnya, 30 peratus daripada jumlah pengikut fahaman Syiah adalah wanita berumur antara 20an hingga 50an.

Kebanyakan pengikut Syiah bukan penduduk kampung biasa malah daripada golongan profesional antaranya guru, pensyarah dan ahli akademik. Ketua Kumpulan Syiah Malaysia ialah Mohd Kamil Zuhairi Abdul Aziz.

Soalan 64:

Adakah wujud pengikut fahaman Syiah yang tidak menjalankan dakyah kepada umat Islam di Malaysia dan hanya berkembang dalam kalangan mereka sahaja?

Jawapan:

Ya, terdapat dua jenis Syiah yang hanya berkembang dalam kelompok mereka sendiri, iaitu Syiah Taiyibi Bohra (Dawood Bohra) dan Syiah Ismailiyah Agha Khan yang dibawa masuk oleh pendatang India pada satu masa dahulu.

Bagaimanapun, pengikut kedua-dua jenis Syiah yang merupakan kelompok asal Syiah di negara ini didapati tidak menjalankan dakyah kepada masyarakat Islam yang berpegang pada ASWJ sebaliknya hanya berkembang dalam kalangan generasi baharu mereka sahaja. Syiah Dawood Bohra dikenali sebagai golongan yang memiliki “Kedai Bombay” manakala Syiah Agha Khan pula dikenali dengan pemilik “Kedai Peerbhai”. Pengikut jenis Syiah ini bergerak di sekitar Lembah Klang sehingga kini.

Pengikut dua jenis Syiah ini merupakan keturunan asal Syiah yang ada di negara ini. Mereka tidak ekstrem dan tidak berlawanan dengan ASWJ. Mereka hanya menjalankan dakyah dan berkembang dalam kalangan ahli keluarga mereka sahaja kerana mereka berkahwin pun sesama sendiri serta mempunyai tanah perkuburan dan masjid sendiri.



Pengikut Syiah Malaysia Dan Iran

Soalan 65:

Bagaimanakah kebiasaannya cara penyebaran ajaran Syiah di Malaysia?

Jawapan:

Akhbar *Sinar* bertarikh 15 Ogos 2013 melaporkan bahawa Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) mendedahkan modus operandi golongan Syiah menyebarkan buku berkaitan fahaman itu di negeri ini dengan menggunakan kiriman pos.

Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIPk (Perak), Asyraf Ismail berkata, *"Buku-buku itu dihantar menggunakan pos kepada imam-imam masjid di seluruh Perak. Kita telah kesan perbuatan ini beberapa tahun yang lalu dan meminta imam-imam masjid yang menerima buku berkenaan supaya menghantar kepada JAIPk (Perak) untuk dilupuskan. Selain itu, penyebaran Syiah juga dibuat melalui tulisan novel dan buku-buku sejarah dengan menyelewengkan fakta terhadap Khulafa' Ar-Rashidin dan Sahabat-sahabat Nabi."*

Menurutnya lagi, terdapat juga penyebaran yang dibuat secara individu kepada individu lain dengan menceritakan tentang *Ahlul Bait*, keagungan imam mereka dan kemudahan-kemudahan beribadat di dalam Syiah.

Antara judul buku yang diedarkan kepada orang ramai seperti, *Akhirnya Ku Temui Kebenaran dan Inilah Khulafa' Ar-Rashidin, Rasul, Dialog Mengenai Islam dan Akidah Islam yang Sebenar dan Kewajipan Setiap Muslim Mentaati Kepimpinan Yang Dilantik Allah SWT dan Rasul Demi Perpaduan dan Kejayaan Dunia dan Akhirat.*



Facebook Syiah

Penyebaran propaganda ajaran Syiah bukan sahaja melalui akhbar, novel buku dan medium penulisan lain. Malah, dengan perkembangan teknologi hari ini mereka mula menggunakan laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Blogspot* dan sebagainya bagi menjelaskan identiti sebenar mereka. Terdapat laman sosial dengan berani mengakui diri mereka pengikut ajaran Syiah dan memburuk-burukkan mazhab lain.

Contohnya, sebuah laman sosial yang menggelar diri mereka '*I'm Proud To Be Syiah*' mendakwa laman sosial itu milik Mazhab Syiah Imamah di Malaysia. Penubuhan laman sosial itu bertujuan menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh pengikut ASWJ. Tidak kurang juga beberapa laman web khas untuk pengikut Syiah dibina kononnya untuk menjawab segala kemusykilan berhubung fahaman itu.

Soalan 66:

Pernahkah diadakan dialog di antara pengikut Syiah dengan ASWJ di Malaysia?

Jawapan:

Melalui laporan akhbar *Sinar* pada Ogos 2013, Perak merupakan antara negeri terawal mengadakan dialog di antara pengikut Syiah dan ASWJ yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) selepas fatwa mengenai pengharaman berkenaan dibuat.

Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIPk (Perak), Asyraf Ismail menjelaskan, dialog yang pernah dianjurkan sebelum ini iaitu pada 8 Disember 2011 telah diadakan di Pejabat Agama Daerah Bagan Serai. Menurutnya, dialog yang dianjurkan tersebut bertujuan merungkai persoalan yang timbul berkaitan perbezaan ketara antara pengikut ASWJ dengan fahaman Syiah. Bagaimanapun, wakil kumpulan Syiah mengelak atau tidak dapat menjawab kebanyakan soalan yang ditimbulkan.

Menurutnya lagi, perkara paling jelas yang gagal dirungkai oleh wakil kumpulan Syiah adalah soal usul iaitu Rukun Islam kerana dalam Syiah, *imamah* dimasukkan sebagai rukun kelima sedangkan ia bercanggah dengan Rukun Islam yang sebenar. Asyraf berkata, setelah tamat sesi dialog, pihaknya memaklumkan kepada wakil kumpulan Syiah itu bahawa fatwa pengharaman ajaran dan fahaman Syiah telah dikeluarkan serta JAIPk akan mengambil tindakan mengikut undang-undang terhadap perkara itu.

Pada sesi dialog berkenaan, Syiah diwakili oleh dua orang individu iaitu Mohd Kamil Zuhairi Abd Aziz (Ketua Kumpulan Syiah Malaysia) dan Dr. Azmi Zainun Abidin (wakil Syiah Perak). JAIPk pula diwakili oleh Mohd Azam Hamzah (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIPk), Asyraf Ismail (Penolong

Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIPk), Ustaz Mohd Nasim Abdul Raof serta Ustaz Mohd Aizam Mas'ud.

Soalan 67:

Apakah antara perancangan Syiah di Malaysia?

Jawapan:

Akhbar *Sinar Harian* pada September 2013 melaporkan bahawa pengikut Syiah di negara ini dikesan mempunyai perancangan untuk menguasai jabatan-jabatan agama Islam. Bagi merealisasikan rancangan itu, pengikut Syiah mendaftarkan anak mereka mengikuti aliran akademik berteraskan Islam dalam usaha jangka panjang menguasai jabatan itu.

Ketua Unit Kajian Syiah Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Mohamad Ismail mendakwa, dalam tempoh 10 tahun, anak pengikut Syiah kemudiannya akan memohon sebarang jawatan di jabatan-jabatan agama Islam. *“Apabila sudah memperoleh jawatan, tugas mereka seterusnya adalah cuba mengubah polisi keagamaan dalam jabatan tersebut. Mereka kemudiannya akan menimbulkan isu seperti isu mazhab untuk melagakan para ulama dan pemimpin”,* katanya ketika berucap dalam dialog, *“Umat Melayu dalam Menghadapi Konspirasi dan Agenda Asing”* di Dewan Sri Semantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Strategi pengikut Syiah tersebut sudah terjadi dan terbukti berkesan di Lubnan dan Iraq di mana negara-negara tersebut kini sudah dikuasai oleh fahaman Syiah. Justeru, strategi tersebut mereka cuba lakukan di negara ini. Negara-negaratersebut dijadikan rujukan. Apabila mereka berjaya melagakan pemimpin dan ulama, mereka seterusnya akan menimbulkan rusuhan supaya sebagai saluran untuk menguasai negara sebagaimana yang berlaku di Lubnan dan Iraq.

Soalan 68:

Apakah tindakan Majlis Agama Islam di setiap negeri untuk membendung dan memberi kefahaman mengenai ajaran Syiah?

Jawapan:

Secara umumnya, kesemua negeri di Malaysia telah memfatwakan bahawa ajaran Syiah bertentangan dengan ASWJ dan dipandang serius serta akan diambil tindakan bagi mereka yang melanggarnya.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi membanteras dan memberi kefahaman kepada masyarakat melalui program ceramah, seminar, wacana dan sebagainya tentang bahayanya fahaman Syiah serta penyelewengan dan kesesatan yang dibawa oleh ajaran Syiah. Pada masa yang sama, program dan aktiviti diadakan dengan kerjasama pertubuhan Islam kerajaan mahupun swasta semata-mata untuk mengekang ajaran Syiah daripada dianuti dan disebarkan.

Soalan 69:

Adakah pengamalan Mazhab Syiah aliran Zaidiyah dan Jafariah di Malaysia masih dibenarkan?

Jawapan:

Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1996 telah menarik balik kebenaran mengamalkan Mazhab Syiah aliran Zaidiyah dan Jafariah di Malaysia yang secara tidak langsung menjadikan semua amalan Syiah tidak diterima di negara ini.

Fatwa itu menetapkan umat Islam di Malaysia hendaklah

hanya mengikut ajaran Islam berasaskan pegangan ASWJ dari segi akidah, syariah dan akhlak. Ajaran Islam yang selain daripada pegangan ASWJ adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam.

Penyebaran apa-apa ajaran selain daripada pegangan ASWJ adalah dilarang. Penerbitan, penyiaran dan penyebaran sebarang buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan ASWJ juga diharamkan.

Soalan 70:

Adakah mudah untuk mengenal pasti orang yang berfahaman Syiah?

Jawapan:

Sukar untuk membezakan antara umat Islam yang berfahaman Syiah kerana mereka tidak mengamalkannya secara terang-terangan disebabkan kecenderungan mereka mengamalkan *taqiyah* (pembbohongan atau pendustaan). Begitu juga sukar untuk mendakwa mereka disebabkan mereka tidak akan mengaku atas kesalahan dan kesilapan yang mereka lakukan.



Kesesatan Syiah Pada Hari Asyura

Soalan 71:

Adakah fatwa mengenai kesesatan fahaman Syiah?

Jawapan:


Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 Fatwa Tentang Fahaman Syiah

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989*, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak, membuat fatwa seperti yang dinyatakan di bawah pada 24hb September 1998.

1. Bahawa fahaman dan ajaran Syiah adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah.
2. Fahaman dan ajaran ini perlu disekat keseluruhannya. Terdapat beberapa percanggahan dalam fahaman tersebut sama ada dari sudut akidah, syariah dan lain-lain.

(a) **Penyelewengan Dari Sudut Akidah**

- (i) Imam adalah maksum (Sila lihat kitab '*Aqaid Al-Imamiah* oleh Syeikh Muhammad Redha Al-Muzaffar, halaman 72).
- (ii) Kemunculan semula Imam Mahdi dan kumpulan orang yang telah mati untuk memberi keadilan (Sila lihat kitab '*Aqaid Al-Imamiah* oleh Syeikh Muhammad Redha Al-Muzaffar, halaman 83).
- (iii) Berpura-pura (Sila lihat kitab *Al-Usul Min Al-Kafi*, Juzu' 2 oleh Abu Ja'afar Muhamad Bin Ya'kub Bin Ishak Al-Kulaini Al-Razi, halaman 217).



- (iv) Saidina Ali disamakan taraf dengan Allah SWT. (Sila lihat kitab *Al-Usul Min Al-Sira' Kafi* oleh Al-Kulaini, Jilid 1, halaman 197).
- (v) Menghalalkan Nikah Mutaah (Sila lihat kitab *Man La Yahduruhu Al-Fiqih* oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Ali Bin Al-Husain Babawaih Al-Qummi, Juzu' 1, halaman 358).
- (vi) Khalifah diwasiatkan secara nas (Sila lihat kitab *'Aqaid Al-Imamiah* oleh Syeikh Muhammad Redha Al-Muzaffar, halaman 78).
- (vii) Ilmu Allah SWT berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia (Sila lihat kitab *Al-Usul Min Al-Kafi* oleh Al-Kulaini, Juzu'1 halaman 146).
- (viii) Muhammad Bin Hassan Al-Askari ialah Imam Mahdi Al-Muntazar (Sila lihat kitab *As-Syiah Wa Al-Tasbih Al-Sira' Baina Al-Syiah Wa Al-Tasyayyu*, oleh Doktor Musa Al-Musawi, halaman 61).
- (ix) Mengkafirkan para Sahabat Rasulullah SAW (Sila lihat kitab *Al-Anwar Al-Nu'maniah* oleh Syed Nikmatullah Al-Musawi, halaman 81).
- (x) Menambah Syahadah seperti berikut : (Sila lihat kitab *Al-Usul Min Al-Kafi* oleh Al-Kulaini Juzu' 1, halaman 441).
- (xi) Menolak Hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah sekalipun Hadis Mutawatir (Sila lihat buku *Aslu Al-Syiah Wa Usuluha* oleh Muhammad Al-Husain Ali Kasyif Al-Ghita', halaman 149).

(b) Penyelewengan Dari Sudut Syariat

- (i) Menolak Ijmak Ulama (Sila lihat kitab *Mukhtasar Al-Tuhfah Al-Ithna Asyariyyah* oleh Shah Abdul Aziz Al-Imam Wilayullah Ahmad Abdul Rahim Al-Dahlawi, halaman 51).
- (ii) Menolak Qias (Sila lihat kitab *Asli Al-Syiah Wa Usuluha* oleh Muhammad Bin Al-Husain Ali Kasyif Al-Ghita, halaman 149).
- (iii) Mengamalkan Nikah Mutaah (Sila lihat kitab *Al-Nihayah Fi Mujarrad Al-Fiqh Wa Al-Fatawa* oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin Hassan Bin Ali Al-Tusi, halaman 489-491. *Kitab Tahzib Al-Ahkam* oleh Abu Ja'afar Muhammad Bin A-Hassan Al-Tusi, halaman 254, 259, 266).
- (iv) Menolak 'Aul dan mendahulukan *Qurabah* dari 'Asobah dalam masalah Pusaka (Sila lihat buku *Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad)* oleh Al-Hasan Bin Yusuf Al-Mutahhar Al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 100-101).
- (v) Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu'awiyah sebagai berhala Quraisy serta pengikut-pengikut adalah musuh Allah SWT (Sila lihat kitab *Al-Tafsir* oleh Abu Al-Nadhar Muhammad Bin Mas'ud Bin 'Iyasy Al-Salami Al-Samarqandi, Juzu' 1, halaman 116).
- (vi) Hanya Ali menghimpun Al-Qur'an dengan sempurna (Sila lihat kitab *Al-Usul Min Al-Kafi* oleh Al-Kulaini, Juzu' 1, halaman 228).

(c) Pelbagai Penyelewengan Umum

- (i) Menziarahi Kubur Sayidina Husain mendapat ganjaran syurga (Sila lihat *Al-Irsyad* oleh Muhammad Bin Muhammad Bin Nu'kman Al-Askibri Al-Baghdadi Al-Mulaqqap Bin Al-Syeikh AlMufid, halaman 252).
- (ii) Menyiksa tubuh badan sempena 10 Muharam (Sila lihat kitab *Al-Syiah Wa Al-Tashih Al-Sira', Baina Al-Syiah Wa Al-Tasyayyu'*, oleh Doktor Musa Al-Musawi, halaman 98).
- (iii) Menghina Abu Bakar dan Umar serta dua orang isteri Nabi SAW iaitu Saidatina Aishah dan Hafsa (Sila lihat kitab *Tuhfah Al-Awam Maqbul* oleh Al-Syed Manzur Husain, halaman 330).
- (iv) Mengharuskan Jamak sembahyang dalam semua keadaan [Sila lihat buku *Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad)*] oleh Hassan Bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, tahun 1993, halaman 36).
- (v) Sembahyang *Dhuha* adalah haram. [Sila lihat buku *Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad)*] oleh Hassan bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliyy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31).
- (vi) Menetapkan Prinsip *Khumus* sebagai Kadar Zakat (Sila lihat kitab *Tahzib Al-Ahkam* oleh Ja'afar Muhamad Bin Al-Hassan Al-Tusi, halaman 122).
- (vii) *Imamah* dan Khalifah daripada Rujuk Islam dan ia berlaku melalui Nas. [Sila lihat buku *Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad)*] oleh Hassan Bin Yusuf Al- Muntahhar Al-

Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 145-146).

(viii) Islam bukan syarat wajibnya haji. [Sila lihat buku *Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad)*] oleh Hassan Bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim, halaman 31).

(ix) Wajib menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya. [Sila lihat buku *Minhaj Kebenaran Dan Pendedahannya (Fiqh Lima Mazhab Di antara Nas Dan Ijtihad)*] oleh Hassan Bin Yusuf Al-Muntahhar Al-Hulliy, terjemahan Prof. Madya Dr. Lutfi Ibrahim.

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam dilarang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman tersebut kerana bertentangan ia dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Larangan ini meliputi:

- (a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamalkan berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang terkandung di dalam ajaran dan fahaman Syiah kecuali untuk amalan individu itu sendiri; atau
- (b) Untuk menerbitkan apa-apa bentuk versi atau variasi atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran ajaran-ajaran tersebut; atau
- (c) Untuk menjadi anggota atau pemimpin mana-mana golongan Syiah atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.